



پلیتا برونئی

PELITA BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

WAKTU SEMBAHYANG IMSAK 5.02 SUBUH 5.12 SYURUK 6.34 DUHA 6.58 ZUHUR 12.31 ASAR 3.53 MAGHRIB 6.26 ISYAK 7.40 Daerah Belait ditambah 3 minit
Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 69 BILANGAN 8

17 JANUARI 2024 / 1445 رجب

JABATAN PENERANGAN

EDISI RABU PERCUMA

مانیسٹر ایمان

"DAN orang-orang yang (memperuntukkan) dalam harta mereka hak yang tertentu. (laitu) bagi yang meminta (orang miskin) dan yang menahan diri (tidak meminta)".
- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah al-Ma'arij ayat 24-25.

اللهُ أَكْبَرُ مَنْ قَاتَلَنَا لِمَنْ نَهَىٰ عَنِ الدِّينِ

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dengan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Anisha Rosnah binti Adam

BERGEMERLAPAN MAJLIS PERSANTAPAN DIRAJA RAIKAN MEMPELAI DIRAJA



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan berangkat pada Majlis Persantapan Diraja sempena Istiadat Perkahwinan Diraja di antara Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen dengan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Anisha Rosnah binti Adam berlangsung di Balai Persantapan, Istana Nurul Iman.
Foto : Masri Osman (Lihat muka 3 hingga 6)

Doa Selamat, Menutup Gendang Jaga-Jaga sempurna dilaksanakan

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 16 Januari. - Majlis-majlis Istiadat sempena Istiadat Perkahwinan Diraja antara Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dengan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri

Anisha Rosnah binti Adam yang bermula pada 7 Januari lalu ditutup dengan Majlis Istiadat Membaca Doa Selamat dan Menutup Gendang Jaga-Jaga yang berlangsung di Istana Nurul Iman, hari ini.

Majlis tersebut disempurnakan di hadapan majlis Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz bahawa Majlis Istiadat Membaca Doa Selamat dan Menutup Gendang Jaga-Jaga telah siap sedia.

Majlis dimulakan dengan Yang Berhormat

Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Adanan menjunjung anugeraha untuk menyembahyang kepada Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz bahawa Majlis Istiadat Membaca Doa Selamat dan Menutup Gendang Jaga-Jaga telah siap sedia.

>> Muka 7

Perkenan pelantikan pegawai kanan

Siaran Akhbar : Mahkamah Rayuan Syariah

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 16 Januari. - Pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi

Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, dengan ini Mahkamah-mahkamah Syariah memaklumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah mengurniakan titah perkenan bagi pelantikan

pegawai kanan iaitu Hakim Mahkamah Tinggi Syariah, Yang Arif Dato Seri Setia Haji Johar bin Haji Muhamad menjadi Hakim Mahkamah Rayuan Syariah.

Tarikh pelantikan pegawai berkenaan berkuat kuasa mulai Isnin, 19 Jamadilakhir 1445 Hijrah bersamaan dengan 1 Januari 2024 Masihi.

IKUTI KAMI DI APLIKASI MUDAH ALIH
InfoDeptBN
[f](#) Pelita Brunei [i](#) pelitabrunei [t](#) pelitabrunei

Berita Utama



HARI Terbuka Perpustakaan UBD buka tirai

Muka 13



LCB terima lawatan pelajar
Guangxi University of Finance
and Economics

Muka 16



BILIF Open Day 2024 ketengahkan
idea pembangunan kepimpinan
organisasi

Muka 18



OPERASI pastikan perintah
pekerjaan terus dipatuhi

Muka 20

BERKENAN MENERIMA MENGADAP



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap secara berasingan His Majesty King Jigme Khesar Namgyel Wangchuck, King of the Kingdom of Bhutan; dan Perdana Menteri Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Dato Laila Utama Lee Hsien Loong (kiri dan kanan).

Oleh : Haniza Abdul Latif

Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 15 Januari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam

hari ini berkenan menerima mengadap secara berasingan His Majesty King Jigme Khesar Namgyel Wangchuck, King of the Kingdom of Bhutan; dan Perdana Menteri Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Dato Laila Utama Lee Hsien Loong. His Majesty King Jigme Khesar Namgyel

Wangchuck, King of the Kingdom of Bhutan; dan Tuan Yang Terutama Perdana Menteri Republik Singapura berada di Negara Brunei Darussalam selaku tetamu-tetamu khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi berangkat dan menghadiri Majlis Istiadat Perkahwinan Diraja di antara Duli

Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dengan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Anisha Rosnah binti Adam.

Majlis-majlis Mengadap berlangsung di Cheradi Ratna Kenchana, Istana Nurul Iman.

SIDANG PENGARANG

17 JANUARI 2024

Pertahankan, syukuri nikmat keamanan

KEAMANAN dan kesejahteraan itu adalah nikmat kurniaan Allah Subhanahu Wata'ala yang amat berharga. Hal ini kerana dengan adanya keamanan dan kesejahteraan itu, rakyat dan penduduk di negara ini akan dapat hidup dengan selesa, tidak ada huru-hara dan kekacauan sehingga kemajuan dapat dijana dan keselamatan juga akan dapat dirasakan.

Oleh yang demikian, anugerah keamanan dan keharmonian yang kita nikmati di bumi bertuhu ini, hendaklah disyukuri dan dipertahankan oleh setiap insan yang berada di negara ini.

Seperti mana yang ditekankan dalam Khutbah Jumaat baru-baru ini antara lain menyatakan bahawa di samping mematuhi perintah Allah Subhanahu Wata'ala dan menjauhi larangan-Nya, kita juga hendaklah mendukung Perlembagaan Negara, undang-undang dan peraturan negara kerana perkara ini juga menyumbang kepada keamanan negara yang sama dijaga dan dilindungi melalui pasukan yang menjaga keamanan iaitu antaranya yang utama ialah Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB).

Dalam memastikan kesejahteraan dan keamanan sentiasa terkawal di negara kita ini, PPDB merupakan salah satu agensi keselamatan kerajaan yang tertua yang diamanahkan dan dipertanggungjawabkan di dalam menegakkan keamanan, kesejahteraan dan keharmonian masyarakat dan negara.

Tugas menjaga keamanan negara merupakan tugas dan tanggungjawab utama PPDB yang amat mencabar, lebih-lebih lagi di dalam arus kemodenan dan teknologi yang semakin canggih ini. Di samping itu, masyarakat juga berperanan penting dalam menjaga keamanan dan melindungi negara daripada anasir-anasir yang tidak diingini. Oleh itu, setiap lapisan masyarakat hendaklah bersama-sama mananai kedaualatan negara yang kita sayangi ini.

Di samping itu, PPDB dan masyarakat hendaklah bekerjasama dalam menjaga kedaualatan negara dengan berganding bahu membanteras jenayah dan mengekalkan keamanan dan kesejahteraan negara kita yang tercinta ini. Janganlah bersikap lepas tangan dan menyerahkan bulat-bulat kepada PPDB untuk menangani jenayah. Keadaan ini akan menyebabkan gejala jenayah terus berluasa dan keamanan negara akan tergugat yang akhirnya akan rugikan kita sendiri.

Sebagai rakyat dan penduduk yang bertanggungjawab, sewajarnya kita sama-sama menghargai dan tidak melupakan jasa dan pengorbanan yang telah dilakukan oleh seluruh anggota PPDB bagi memastikan keselamatan dan kedaualatan bumi Darussalam ini sentiasa terjaga dan terpelihara. - Ketua Penyuntingan (Rd)

WAKTU SEMBAHYANG												
Januari	MASIH	HARI	Rejab	HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
17	RABU	5	5.02	5.12	6.34	6.58	12.31	3.53	6.26	7.40		
18	KHAMIS	6	5.02	5.12	6.34	6.58	12.31	3.53	6.27	7.40		
19	JUMAAT	7	5.02	5.12	6.34	6.58	12.32	3.53	6.27	7.40		
20	SABTU	8	5.03	5.13	6.35	6.58	12.32	3.54	6.27	7.41		
21	AHAD	9	5.03	5.13	6.35	6.59	12.32	3.54	6.28	7.41		
22	ISNIN	10	5.03	5.13	6.35	6.59	12.33	3.54	6.28	7.41		
23	SELASA	11	5.04	5.14	6.35	6.59	12.33	3.55	6.28	7.41		

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI



RABU	KHAMIS	JUMMAT
Bandar Seri Begawan		
32 °C	32 °C	33 °C
Pekan Bangar		
32 °C	32 °C	33 °C
25 °C	26 °C	26 °C
Pekan Tutong		
32 °C	32 °C	33 °C
25 °C	26 °C	26 °C
Kuala Belait		
32 °C	32 °C	33 °C
25 °C	26 °C	26 °C
Wallahu alam Bissawab	www.met.gov.bn	
Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi		

الله فلیها ملک فعنتین دفع

Allah Peliharakan Pengantin Diraja

BANDAR SERI BEGAWAN,
 Isnin, 15 Januari. - Balai Persantapan, Istana Nurul Iman menjadi saksi kemeriahinan dan keriahan Majlis Persantapan Diraja sempena Istiadat Perkahwinan Diraja di antara Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dengan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Anisha Rosnah binti Adam.

Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam bersama-sama Pengantin Diraja Lelaki dan Pengantin Diraja Perempuan jelas mencerminkan keakraban keluarga diraja, di mana akan menjadi salah satu ristaan

Bergemerlapan Majlis Persantapan Diraja raikan Mempelai Diraja



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam bersama-sama Pengantin Diraja, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen dengan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Anisha Rosnah binti Adam berangkat ke Majlis Persantapan Diraja sempena Istiadat Perkahwinan Diraja di Balai Persantapan, Istana Nurul Iman. Turut berangkat, tetamu-tetamu khas baginda.

manis dan sebahagian daripada kenangan bermakna bagi yang hadir khasnya juga kepada seluruh rakyat jelata amnya.

>> Muka 4

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Masri Osman, Hamzah Mohidin, Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman, Mohd. Sahrizal Haji Said, Muhammad Asri Haji Awang Abas, Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman, Muhammad Khalid Doughty



BERANGKAT sama ialah paduka-paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Raabi'atul 'Adawiyah; serta ahli kerabat diraja yang lain. Juga berangkat dan hadir, tetamu-tetamu khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam (atas, atas kanan, kanan, kanan sekali, bawah kiri dan bawah tengah).



Doa Selamat dibacakan oleh Yang Berhormat Mufti Kerajaan (bawah).





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha; Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia XVI, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah ibni Al-Marhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Permaisuri Agong Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah binti Al-Marhum Al-Mutawakkil Alallah Sultan Iskandar Al-Haj berkenan bergambar bersama Pengantin Diraja (kiri dan kanan).

>> Muka 3

Berangkat sama paduka-paduka anakanda dan adinda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Raabi'atul 'Adawiyah; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran

Muda Haji Sufri Bolkiah dan Yang Amat Mulia Pengiran Bini Hajah Faizah dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah. Juga berangkat, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bolkiah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolkiah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bolkiah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Fadzilah Lubabul Bolkiah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Umi Kalthum Al-Islam serta ahli kerabat diraja yang lain.

Juga berangkat dan hadir tetamu-tetamu khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia XVI, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah ibni Al-Marhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Permaisuri Agong Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah binti Al-Marhum Al-Mutawakkil Alallah Sultan Iskandar Al-Haj; His Majesty King Jigme Khesar Namgyel Wangchuck, King of The Kingdom of Bhutan and Her Majesty Queen Jetsun Pema Wangchuck, Queen of The Kingdom of Bhutan; His Royal Highness Prince Turki bin Mohammed, Kingdom of Saudi Arabia dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Aminul Karim Sultan Sallehuddin ibni Al-Marhum Sultan Badlishah, Sultan Negeri Kedah Darul Aman dan Kebawah Duli

Yang Maha Mulia Sultanah Malika binti Al-Marhum Tengku Ariff.

Juga berangkat dan hadir, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultanah Nur Zahirah, Sultanah Terengganu; Duli Yang Maha Mulia Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj ibni Al-Marhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj, Sultan Selangor dan Duli Yang Maha Mulia Tengku Permaisuri Selangor Tengku Permaisuri Hajah Norashikin; Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah ibni Al-Marhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah dan Duli Yang Maha Mulia Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim; Perdana Menteri Singapura, Tuan Yang Terutama Dato Laila Utama Lee Hsien Loong dan Datin Paduka Seri Laila Jasa Madam Ho Ching dan isteri Presiden Republik Filipina, Madam Louise Araneta-Marcos serta tetamu-tetamu khas baginda yang lain.

>> Muka 5



PADUKA-paduka anakanda dan adinda serta cucunda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan bergambar bersama Pengantin Diraja (atas kiri, atas kanan, bawah kiri dan bawah kanan).





>> Muka 4

Turut hadir, bonda Pengantin Diraja Lelaki, Datin Paduka Seri Dayang Hajah Mariam binti Haji Abdul Aziz dan ibu bapa Pengantin Diraja Perempuan, Yang Mulia Awang Adam dan Yang Mulia Dayang Siti Mariam.

Kehadiran tetamu khas baginda memberikan suasana yang lebih bermakna sebagai tinta emas dalam lipatan sejarah negara ini, dalam mengeratkan lagi silaturahim yang sedia terjalin di antara kedua-dua belah pihak.

Bagi memberkati majlis, Doa

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan beramah mesra bersama tetamu khas baginda (kiri). Manakala gambar bawah, Pengantin Diraja, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen dengan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Anisha Rosnah ketika berkenan bergambar bersama His Majesty King Jigme Khesar Namgyel Wangchuck, King of The Kingdom of Bhutan dan Her Majesty Queen Jetsun Pema Wangchuck, Queen of The Kingdom of Bhutan.



Selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Persembahan

Kebudayaan yang dimainkan sekali gus menyerikan lagi suasana pada Majlis Persantapan Diraja, justeru, menjadi halwa telinga buat tetamu-tetamu yang hadir, yang diwarnai

Muzik



KEHADIRAN tetamu khas memberikan suasana yang lebih bermakna sebagai tinta emas dalam lipatan sejarah negara ini, dalam mengeratkan lagi silaturahim yang sedia terjalin (kanan dan kanan sekali).



dengan kerlipan lampu yang berwarna-warni, ditambah lagi dengan hiasan bunga-bunga segar yang harum mewangi menambah seri lagi majlis berkenaan.

Sebelum meninggalkan majlis, Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha bersama Pengantin Diraja berkenan beramah mesra bersama tetamu khas baginda.

Terpancar kegembiraan dan keceriaan Mempelai Diraja, melambai sambil tersenyum mesra kepada tetamu yang hadir, sama cantik sama padan berjalan seiringan dihiasi busana yang cantik lagi menawan, menambah seri Mempelai Diraja yang kekal menjadi ristaan kepada para tetamu juga hadirin sekalian.

Turut hadir memeriahkan Majlis Persantapan Diraja berkenaan, Yang Amat Mulia Pengiran-pengiran Cheteria, Menteri-menteri Kabinet, Ahli-ahli Majlis-majlis Mesyuarat, Timbalan-timbalan Menteri, Pengiran-pengiran Peranakan, Pehin-pehin Manteri, Manteri-manteri Hulubalang dan Manteri-manteri Pedalaman, Ketua-ketua Perwakilan Negara Asing di Negara Brunei Darussalam, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Setiausaha-setiausaha Tetap dan pegawai-pegawai kanan kerajaan juga wakil-wakil daripada syarikat-syarikat milik kerajaan.

PENGANTIN Diraja, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen dengan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Anisha Rosnah ketika berkenan bergambar bersama tetamu-tetamu khas (kiri sekali dan kiri).

PENGANTIN Diraja berkenan bergambar bersama tetamu-tetamu khas Kebawah DYMM (kiri sekali dan kiri).



Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Masri Osman, Hamzah Mohidin, Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman, Mohd. Sahrizal Haji Said, Muhammad Asri Haji Awang Abas, Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman, Muhammad Khalid Doughty



DOA SELAMAT, MENUTUP GENDANG JAGA-JAGA SEMPURNA DILAKSANAKAN



MAJLIS Istiadat Membaca Doa Selamat dan Menutup Gendang Jaga-jaga yang berlangsung di Istana Nurul Iman, disempurnakan di hadapan majlis Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz (kiri dan atas). Manakala gambar bawah kanan, Surat Dikir, Bantal Geguling dan Pabarahan dibawa masuk oleh tiga orang Awang-awang dan diletakkan di tempat yang ditentukan. Sementara gambar bawah kiri dan bawah sekali kanan, Majlis Istiadat Membaca Doa Selamat dan Menutup Gendang Jaga-Jaga dimulakan dengan Dikir Syarafil Anam (Dikir Marhaban) yang dibawakan oleh Begawan Pehin-pehin Khatib dan Begawan Mudim-mudim. Manakala gambar bawah sekali kiri, antara yang hadir pada majlis berkenaan.

>> Muka 1

Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz kemudian menyabdakan kepada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan untuk mengadap dan menyembahnya ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei

Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan seterusnya menjunjung anugerahnya untuk mengadap ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia untuk menjunjung kurnia perkenan baginda bagi memulakan majlis istiadat berkenaan.

Setelah titah dijunjung, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan masuk semula ke dalam majlis untuk mengadap dan menyembahnya kepada Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria

Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz dan seterusnya menyabdakan supaya istiadat dimulakan.

Empat orang Awang-awang masuk ke dalam majlis untuk meletakkan Dian Empat dan kemudiannya disusuli dengan Surat Dikir, Bantal Geguling dan Pabarahan dibawa masuk oleh tiga orang Awang-awang dan diletakkan di tempat yang ditentukan.

Majlis Istiadat Membaca Doa

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin

Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Hernie Suliana Haji Othman, Muhammad Asri Haji Awang Abas, Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman, Pg. Haji Mohd. Fawzy Pg. Haji Ahmad, Awang Hasif Haji Mat Zain

Selamat dan Menutup Gendang Jaga-Jaga dimulakan dengan Dikir Syarafil Anam (Dikir Marhaban) yang dibawakan oleh Begawan Pehin-pehin Khatib dan Begawan Mudim-mudim sehingga kepada perenggan 'Ya Habibi', maka diikuti dengan tembakan meriam

>> Muka 8





MAJLIS Istiadat Membaca Doa Selamat dan Menutup Gendang Jaga-Jaga yang berlangsung di Istana Nurul Iman.

>> Muka 7

Sementara itu, Yang Dimuliakan Pehin Penyurat Awang Maidin,

Yang Dimuliakan Pehin Penyurat Haji Awang Osman, Yang Dimuliakan Pehin Bendahari

Haji Awang Abu Bakar dan Awang-awang masuk ke dalam majlis dengan membawa Anchit yang mengandungi minyak wangi-wangian dan seterusnya menyembahkan dan memberikan kepada yang hadir.

Doa Dikir dibacakan oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Awang Hamidon.

Bagi memberkati majlis, Doa Selamat dibacakan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka

Seri Setia Haji Awang Salim.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan seterusnya menjunjung anugeraha untuk menyembahkan kepada Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz bahawa majlis istiadat telah sempurna dilaksanakan.

Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz seterusnya menyabdakan supaya

majlis ditutup setelah mendapat kurnia perkenan Kebawah DYMM.

Majlis turut dihadiri oleh Yang Amat Mulia Pengiran-pengiran Cheteria, Menteri-menteri Kabinet, Timbalan-timbalan Menteri, Pengiran-pengiran Peranakan, Pehin-pehin Manteri, Manterimanteri Hulubalang dan Manterimanteri Pedalaman, Duta-duta, Pesuruhjaya-pesuruhjaya Tinggi, Setiausaha-setiausaha Tetap dan ketua-ketua jabatan.



ANTARA yang hadir menadah tangan ketika Doa Selamat dibacakan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim (atas kiri dan atas kiri tengah). Sementara gambar atas dan kiri, semua alat perhiasan diraja diturunkan di Balai Pemajangan sebaik-baik sahaja tembakan meriam dilepaskan.

الله فليهما من ينفع فختين دلع

Sembah Ucapan Tahniah sempena Majlis Istiadat Bersanding Pengantin Diraja di antara
Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen
ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda
Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah
dengan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Anisha Rosnah binti Adam



"Saya dan isteri serta seluruh warga kerja di Suruhanjaya Tinggi Malaysia di Negara Brunei Darussalam (NBD) merafak sembah ucapan tahniah ke hadapan majlis Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Anisha Rosnah binti Adam sempena Istiadat Perkahwinan Diraja. Semoga Allah Subhanahu Wata'al sentiasa melimpahkan rahmat-Nya dengan nikmat sihat walafiat, keberkatan dan kebahagiaan ke atas Pengantin Diraja dan berkekalan hingga ke akhir hayat. Saya dan isteri menzahirkan perasaan gembira dan amat berbangga kerana dapat menghadiri Majlis Perkahwinan Diraja di antara Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dengan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Anisha Rosnah binti Adam. Ini adalah satu lagi peristiwa bersejarah penting di NBD memperlihatkan keunikan, keindahan dan kegemilangan Adat Istiadat Diraja yang diwarisi sejak turun-temurun. Saya turut berasa teruja apabila begitu ramai pembesar-pembesar dari Malaysia turut berangkat ke Majlis Perkahwinan Diraja ini termasuk Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Raja-raja Melayu, Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sabah, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia dan kerabat-kerabat diraja yang lain. Saya amat bertuah sekali kerana ini adalah Perkahwinan Diraja yang ketiga yang saya hadiri di NBD sepanjang saya bertugas sebagai Pesuruhjaya Tinggi Malaysia dan sudah pasti akan menjadi kenangan dan detik-detik manis yang tidak dapat dilupakan sepanjang masa". - Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke NBD, Tuan Yang Terutama Dato' Raja Reza bin Raja Zaib Shah berserta isteri.

"Perkahwinan Diraja ini mempunyai keunikan dari segi gabungan monarki Melayu dan agama Islam. Persekutaran budaya yang agak unik dan amalan tradisional orang Melayu sangat menarik. Amalan ini sangat tinggi dan kami mempunyai proses yang sama dari segi pasangan pengantin dari segi bersatunya keluarga. Prosesnya hampir sama tetapi ini adalah tetapan yang tinggi. Sehingga keunikan yang dipersembahkan tidak boleh dibandingkan dengan yang lain kerana latar belakang Kerabat Diraja Brunei mempunyai keunikan tersendiri dan itulah yang menjadikannya lebih menarik. Kepada Pasangan Diraja, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dengan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Anisha Rosnah binti Adam, kami mendoakan semoga mereka dipanjangkan umur bersama sebagai sebuah keluarga. Dan kami mengucapkan tahniah kepada mereka dan seluruh kerabat diraja". - Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Demokratik Timor-Leste ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Abel Guterres berserta isteri.



"Abis Hamba Tuanku merafakkan sembah ucapan tahniah ke hadapan majlis Mempelai Diraja, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dengan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Anisha Rosnah binti Adam, semoga Allah Subhanahu Wata'al sentiasa melimpahkan rahmat keberkatan dan kebahagiaan yang berkekalan hingga ke akhir hayat kepada kedua Pengantin Diraja, Abis Hamba Tuanku berasa teruja dan amat gembira kerana dapat sama-sama meraikan hari yang penuh kebahagiaan ini. Allah Peliharakan Pengantin Diraja". - Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Daud bin Jihan, Ketua Kampung Belimbang.

"Terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk hadir dan menyaksikan hari yang bahagia ini dan saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi ucapan tahniah ke hadapan majlis Pengantin Diraja, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dengan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Anisha Rosnah binti Adam. Kami mendoakan kedua-dua Mempelai Diraja dikurniakan kebahagiaan sepanjang hayat". - Lim Han Chiong (kiri), Pendaftar Perkahwinan Orang-orang Cina (Registrar of Chinese Marriage).



"Merafak sembah ucapan tahniah dan selamat pengantin baru ke hadapan majlis Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dengan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Anisha Rosnah binti Adam. Semoga Allah Subhanahu Wata'al akan sentiasa melimpahkan rahmat-Nya dengan nikmat sihat walafiat ke atas Mempelai Diraja dan berkekalan hingga ke akhir hayat". - Ketua Kampung Penabai dan Kuala Tutong, Muhammad Sofiyuddin bin Md. Serudin.

"Bermula dari Khatam Al-Quran hingga upacara tradisi Istiadat Berbedak, kami mengikuti acara kemuncak Perkahwinan Diraja. Adat tradisional kaya dengan budaya yang menonjolkan rasa hormat kepada ibu bapa, orang tua dan menunjukkan kepentingan untuk mendapatkan restu mereka untuk memulakan kehidupan mereka sebagai pasangan. Pada pendapat kami, upacara perkahwinan tradisional sepatutnya menjadi warisan budaya dunia. Ia adalah sebuah pengalaman yang indah untuk menyaksikan Perkahwinan Diraja di antara Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dengan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Anisha Rosnah binti Adam yang luar biasa. Di kesempatan ini, kami mengucapkan tahniah kepada kedua Mempelai Diraja. Semoga Yang Maha Kuasa memberkati kedua Mempelai Diraja dengan melimpah ruah untuk kehidupan berumah tangga yang bahagia. Kami menyukai Brunei yang kaya dengan budayanya. Semoga Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah berserta Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dipanjangkan umur serta dilimpahkan kesihatan, kebahagiaan dan kesejahteraan. InsyaaAllah". - Dr. Suresh Shinde dan Dr. Lakshmi.



Sembah Ucapan Tahniah sempena Majlis Istiadat Bersanding Pengantin Diraja di antara
Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen
ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda
Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah
dengan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Anisha Rosnah binti Adam



"la lebih daripada sekadar perkahwinan, ia adalah perayaan tradisi, warisan dan identiti. Ini adalah satu peluang yang menakjubkan bagi dunia untuk mengetahui tentang Negara Brunei Darussalam dan penduduk Brunei yang indah. Saya juga turut berbahagia untuk Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dengan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Anisha Rosnah binti Adam".
- Lt. Manoj Subba Angdembe, British Army dari Nepal.

Oleh dan Foto : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland, Nur Izzah Razali



“Seramai 300 anggota Persatuan Bulan Sabit Merah Negara Brunei Darussalam terdiri daripada Kadet Institusi Tinggi, anggota Platon Daerah dan pegawai serta sukarelawan awam yang terlatih terlibat semasa Istiadat Perarakan Pengantin Diraja ini. Tugas kami pada hari ini adalah untuk memastikan keselamatan orang awam dan menyediakan perkhidmatan perubatan kepada yang memerlukan. Di kesempatan ini, saya dan juga mewakili petugas-petugas sukarelawan Persatuan Bulan Sabit Merah Negara Brunei Darussalam merafakkan sembah ucapan tahniah bagi kedua Mempelai Diraja dengan irungan doa semoga Allah Subhanahu Wata’ala akan mengurniakan keberkatan dan menjadikan keluarga yang *sakinah, mawaddah, warahmah*”. - Sukarelawan Persatuan Bulan Sabit Merah Negara Brunei Darussalam, Dayangku Mashidah binti Pengiran Roslani.

"Merafak sembah ucapan tahniah ke hadapan majlis Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Anisha Rosnah binti Adam. Semoga ikatan perkahwinan kedua Pengantin Diraja kekal abadi buat selamanya. *Amin*". - Awangku Omar Abdul Latif bin Pengiran Salleh, pelajar Sanah 10 Ibnu Hayyan, Sekolah Arab Sultan Haji Hassanal Bolkiah.



“Alhamdulillah, saya berasa amat gembira kerana dapat menghadiri dan menyaksikan Istiadat Perarakan Pengantin Diraja di Bandar Seri Begawan ini. Saya ingin mengucapkan sembah tahniah ke hadapan kedua Mempelai Diraja, semoga perkahwinan yang dibina akan kekal bahagia hingga ke akhir hayat dan sentiasa



"Ini adalah kali pertama saya terlibat dalam acara untuk Istiadat Perarakan Pengantin Diraja. Saya berasa seronok kerana dapat melihat lebih dekat lagi Mempelai Pengantin Diraja dan peralatan Alat-alat Kebesaran Diraja yang unik. Di kesempatan ini, saya mendoakan semoga perkahwinan kedua Mempelai Pengantin Diraja berkekalan hingga ke akhir hayat. Amin Ya Rabbal Alamin". - Mohammad Ariffin Arsyad bin Haji Ibrahim, penuntut dari Sekolah Rendah Putat.



“Saya bersyukur dan gembira kerana diberi peluang sekali lagi untuk menyertai majlis yang penuh dengan adat istiadat ini. Saya dan rakan-rakan sekerja sudah berkumpul di Bandar Seri Begawan seawal jam 5.30 pagi. Setinggi-tinggi ucapan tahniah disembahkan bagi kedua Pengantin Diraja, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda ‘Abdul Mateen dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Anisha Rosnah binti Adam bersempena sempurnanya Istiadat Perkahwinan Diraja”.
- Dayang Asdianah Ahmad, Institut Perkhidmatan Awam, Jabatan Perdana Menteri.



“Ini adalah pertama kali saya menyaksikan Istiadat Perarakan Pengantin Diraja dan saya berasa amat teruja. Saya berdoa semoga Pengantin Diraja akan sentiasa berbahagia melayari bahtera rumah tangga sehingga ke akhir hayat. *Amin Ya Rabbal Alamin*”. - Ahmad Hasbul Hadi bin Harmaswady.



MERAFAKKAN SEMBAH TAHNIAH MEMPELAI PENGANTIN DIRAJA

Berita dan Foto : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 16 Januari. - Tetamu khas yang hadir pada Majlis Persantapan Diraja bersempena dengan Istiadat Perkahwinan Diraja di antara Duli



Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dengan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Anisha Rosnah binti Adam yang berlangsung di Balai Persantapan, Istana Nurul Iman, di sini, merafakkan ucapan sembah tahniah ke hadapan majlis Mempelai Pengantin Diraja.

Duta Besar Istimewa dan Mutlak Jepun ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Maeda Toru merafakkan ucapan sembah tahniah ke hadapan majlis Pengantin Diraja Lelaki atas perkahwinannya.

SEBASTIAN Maqguire dari United Kingdom.

"Saya amat mendoakan kebahagiaan dan kesejahteraan kepada Pengantin Diraja serta kesejahteraan seluruh kerabat diraja Negara Brunei Darussalam", ujar Tuan Yang Terutama ketika menzahirkan perasaan gembira terhadap majlis tersebut.

TYT seterusnya menambah bahawa pada tahun ini Negara Brunei Darussalam (NBD) akan menyambut Hari Kebangsaan Ke-40 Tahun dan hubungan dua hala antara NBD dan Jepun adalah sangat akrab.

TYT juga menjelaskan, pada bulan Disember 2023, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan berangkat ke Tokyo, Jepun untuk menghadiri Sidang Kemuncak Komemoratif bagi Memperingati Ulang Tahun Ke-50 Hubungan

Persahabatan dan Kerjasama ASEAN-Jepun.

Di mana berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen. TYT seterusnya menjelaskan lagi, pada tahun ini adalah peluang yang sangat baik bagi kedua-dua buah negara.

Seorang lagi tetamu khas yang berada pada majlis tersebut semasa ditemui, Sebastian Maqguire dari United Kingdom. Beliau berada di negara ini selama lapan hari juga merafakkan ucapan sembah tahniah ke hadapan majlis Mempelai Pengantin Diraja.

"Saya sangat berbesar hati untuk menjadi sebahagian daripada acara perkahwinan ini. Harapan saya untuk pasangan Pengantin Diraja untuk mempunyai kehidupan yang indah dan sentiasa bahagia bersama," ujar beliau lagi.



TUAN Yang Terutama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Jepun ke Negara Brunei Darussalam.



JABATAN Kemajuan Pelancongan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan semasa mengadakan Taklimat Kerjaya yang diadakan di Dewan Puteri, Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri (STPRI) (atas dan kanan).

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Kemajuan Pelancongan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 16 Januari. - Jabatan Kemajuan Pelancongan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) baru-baru ini mengadakan Taklimat Kerjaya yang dihadiri oleh kira-kira 600 pelajar di Dewan Puteri, Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri (STPRI). Matlamatnya adalah untuk menyampaikan maklumat yang

lengkap serta pandangan berharga, pengetahuan industri dan peluang rangkaian, serta membimbing mereka dalam kerjaya masa depan mereka.

Taklimat hala tuju kerjaya ini adalah untuk mendidik dan menyedarkan pelajar tentang kerjaya yang ada dan hala tuju mereka selepas menamatkan pendidikan mereka di sekolah berkenaan.

Fokus hala tuju kerjaya pelajar



ia mengetengahkan hala tuju kerjaya dalam industri Hospitaliti dan Pelancongan di Negara Brunei Darussalam yang mana taklimatnya disampaikan oleh profesional terkenal di Jabatan Kemajuan Pelancongan, KSSUP, Parkview Hotel dan TravelHub Tours and Travel Sdn. Bhd.

Memberikan fokus utama kepada hala tuju kerjaya bagi para pelajar adalah penting kerana ia berfungsi sebagai batu loncatan, membolehkan mereka memperoleh pengetahuan tentang kerjaya masa

depan mereka.

Ini memberi kuasa kepada pelajar untuk mencari panduan struktur umum industri kerja dan pasaran pekerjaan dengan visi yang lebih jelas.

Kolej Perniagaan Laksamana (LCB) turut hadir dengan menganjurkan pameran mini yang turut membentangkan dan menawarkan kursus dalam bidang pelancongan, hospitaliti dan seni kulineri untuk pelbagai peringkat pengajian.

Kursus-kursus yang ditawarkan

adalah dari Tahap 2 Travel and Tourism sehingga peringkat Ijazah; LCB juga menawarkan kajian fleksibiliti untuk kelas malam yang tersedia mulai Mac 2024 bagi mereka yang ingin mengembangkan kemahiran mereka.

Jabatan ini berhasrat untuk bekerjasama dengan lebih banyak institusi-institusi dan sekolah-sekolah di seluruh Negara Brunei Darussalam untuk meluaskan kesedaran kerjaya dalam industri Hospitaliti dan Pelancongan.

PENTING SILA LENGKAPKAN PROFIL PSCR 2.0 AWDA DENGAN BETUL DAN TERATUR BARU



IMPAK PROFIL PSCR 2.0 YANG TIDAK LENGKAP

- ✗ Permohonan tidak akan diproses.
- ✗ Maklumat yang dihadapkan ke pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) adalah tidak lengkap atau tidak teratur.


Laman Utama > Dashboard Saya > Status Permohonan Kerja
TIDAK DIPERLUKAN

SILA LENGKAPKAN PROFIL PSCR 2.0 AWDA DENGAN BETUL DAN TERATUR

- ✗ Melengkapkan maklumat latar belakang pendidikan di ruang yang tidak betul. sebagai contoh: mengemaskini pendidikan menengah (O level) di pendidikan tinggi
- ✗ Tidak memuatnaik transkrip bagi sijil kelulusan yang tidak menyatakan bidang kelulusan. sebagai contoh: Bachelor of Arts/Science/Education dan lain-lain
- ✗ Tidak melengkapkan Pengalaman Kerja Kerajaan dengan lengkap. masukkan tangga gaji / tempoh perkhidmatan yang salah
- ✗ Tidak mengemaskini ruangan peperiksaan dan kursus bagi warga perkhidmatan awam.

Sila sahkan bahwa maklumat di dalam profil adalah **lengkap, kemaskini, betul dan teratur** semasa menghadapkan permohonan bagi jawatan yang dipohon.

✓ Memahami bahawa maklumat **profil yang tidak lengkap, kemaskini, betul dan teratur** semasa menghadapkan permohonan jawatan kosong boleh mengakibatkan tidak menepati kelayakan seperti di dalam iklan, maka dengan sendirinya **permohonan tidak akan diproses**.



PELUANG SAKSIKAN, BERKONGSI KEGEMBIRAAN DETIK BERSEJARAH

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman, Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Saerah Haji Abdul Ghani



DAYANG Hajah Titty Masrina Yanti binti Haji Mohammad.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 15 Januari. - Tarikh 14 Januari 2024 memahat satu lagi ristaan bersejarah bagi Negara Brunei Darussalam (NBD) apabila berlangsungnya Majlis Istiadat Bersanding Pengantin Diraja antara Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen dan YAM Pengiran Anak Isteri Anisha Rosnah, dengan irungan doa semoga perkahwinan yang dibina kekal hingga ke akhir hayat," jelasnya mendoakan.

Majlis Istiadat Bersanding Pengantin Diraja telah pun dilangsungkan di Istana Nurul

Iman dan seterusnya Bandar Seri Begawan pula menjadi tumpuan apabila Pengantin Diraja diarak dengan menaiki Kenderaan Khas mengelilingi ibu negara.

Bagi Dayang Hajah Titty Masrina Yanti binti Haji Mohammad dari Pasukan Polis Diraja Brunei ketika ditemu bual menjelaskan, beliau sangat teruja dapat hadir dan seterusnya menyaksikan secara dekat kedua-dua Pengantin Diraja pada Istiadat Perarakan berkenaan.

Menurutnya, Istiadat Perarakan Pengantin Diraja bukanlah acara yang selalu ada, oleh itu ia sangat dinanti-nantikan oleh segenap rakyat dan beliau juga sudah bersiap sedia membawa kamera untuk merakamkan detik bersejarah itu.

"Sembah ucapan tahniah bagi kedua-dua Pengantin Diraja, DYTM Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen dan YAM Pengiran Anak Isteri Anisha Rosnah, dengan irungan doa semoga perkahwinan yang dibina kekal hingga ke akhir hayat," jelasnya mendoakan.

Istiadat Perarakan Pengantin Diraja juga melibatkan kira-kira 500 penuntut sekolah dalam sama-sama memeriahkan lagi suasana dengan paluan hadrah.

Salah sebuah pasukan hadrah ialah dari Maktab Sultan Omar 'Ali Saifuddien yang turut berbangga dengan penyertaan mereka dalam sama-sama menyemarakkan lagi suasana dengan mengalun-alukan perarakan dengan pukulan hadrah yang penuh bersemangat.

"Inilah kali pertama saya

menyaksikan Istiadat Perarakan Pengantin Diraja diarak mengelilingi ibu negara. Kami amat bertuah kerana dapat menyaksikan secara dekat pelbagai Alat Perhiasan Diraja. Ia merupakan satu pengalaman paling manis," ujar Mohammad Rafiqi Syahmi bin Abdullah Mohammad Hadifadilah mewakili pasukannya yang terdiri daripada 15 penuntut.

Sementara itu, perasaan syukur turut dizahirkan oleh Dayang Hana Deenisa binti Seruddin dari Sekolah Persediaan Arab Bandar Seri Begawan kerana dapat ikut serta dalam sama-sama menceriakan lagi suasana Istiadat Perkahwinan Diraja.

Menurutnya, ia merupakan satu pengalaman yang baharu bagi dirinya dan beliau berasa sangat teruja kerana dapat menyaksikan Pengantin Diraja secara lebih dekat lagi.

Beliau juga turut merafakkan sembah ucapan tahniah kehadapan mempelai Pengantin Diraja serta mendoakan agar kedua-duanya kekal berpanjangan, dilimpahi keberkatan dan rahmat daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

Ketika rakyat jelata dan penduduk berkongsi kegembiraan, warga asing yang berada di negara ini juga tidak melepaskan peluang untuk hadir menyaksikan dan berkongsi kegembiraan detik bersejarah berkenaan.

Runny Galit yang berasal dari Republik Filipina berasa sangat beruntung meraih pengalaman pertamanya hadir menyaksikan Istiadat Perkahwinan Diraja yang sangat unik dan mampu memberi kesan yang sangat mendalam bagi seluruh rakyat dan penduduk negara ini. Katanya, NBD merupakan sebuah negara yang aman serta mempunyai rakyat dan penduduk yang sangat ramah serta prihatin.

Beliau yang hadir bersama rakan-rakan setugasnya dari

Syarikat Aikings turut berkongsi kegembiraan bersama orang ramai dengan memberikan minuman Teh Lemon secara percuma semasa Istiadat Perarakan berkenaan.

Sementara itu, Richard Churches warganegara England yang datang ke negara ini atas urusan kerja selama sembilan hari menyatakan bahawa beliau berasa bertuah kerana secara kebetulan dapat menyaksikan Majlis Istiadat Perkahwinan Diraja yang berlangsung di negara ini.

Ketika ditanya mengenai Majlis Istiadat Perkahwinan Diraja, beliau sangat teruja dan menganggap istiadat berkenaan merupakan upacara yang sangat istimewa serta ia menyerlahkan lagi keceriaan dalam kalangan rakyat NBD yang bersatu memeriahkan suasana istiadat berkenaan.

Selain berkesempatan meninjau keindahan ibu negara, beliau juga turut mengagumi pelbagai keunikan yang terselit pada istiadat yang penuh dengan adat dan tradisi Melayu. Beliau juga turut mendoakan agar Pengantin Diraja dikurniakan kebahagiaan serta berkekalan sehingga ke akhir hayat.

Manakala Noraini binti Yatim yang berasal dari Johor Darul Ta'zim, Malaysia cukup teruja kerana berkesempatan untuk menyaksikan istiadat gilang-gemilang berkenaan.

Beliau yang berada di negara ini bersama rombongan Pertubuhan Sahabat Al-Quran Di Hatiku Negeri Johor Darul Ta'zim seramai 44 orang

juga mengagumi keunikan adat istiadat NBD apa lagi dengan suasana harmoni di negara ini berjaya menawan hati mereka.

"Kami amat tertarik dengan suasana di sini yang begitu aman dan damai, dengan rakyat hidup dengan kesejahteraan serta harmoni di bawah pimpinan raja yang dikasihi dan menyaksikan istiadat ini juga merupakan pengalaman paling manis untuk kami," ujarnya gembira.

Beliau turut mengakui istiadat berkenaan juga merupakan peluang semua rakyat jelata, penduduk dan pelancong untuk menyaksikan secara dekat mengenai budaya berkenaan malah berkongsi kegembiraan sempena Majlis Istiadat Perkahwinan Diraja.

"Saya ingin menyembahkan ucapan tahniah kepada mempelai Pengantin Diraja dan mendoakan Pengantin Diraja akan terus hidup dalam kebahagiaan, dalam rahmat Allah Subhanahu Wata'ala dan berkekalan hingga ke akhir hayat," ujarnya.



RICHARD Churches, warganegara England.



MOHAMMAD Rafiqi Syahmi bin Abdullah Mohammad Hadifadilah bersama kawan-kawannya (atas), manakala gambar bawah, Dayang Hana Deenisa binti Seruddin dari Sekolah Persediaan Arab Bandar Seri Begawan.



HARI TERBUKA PERPUSTAKAAN UBD BUKA TIRAI



NAIB Canselor UBD hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya merasmikan Pembukaan Hari Terbuka Perpustakaan (kiri dan kanan).

kepadanya akan peranan, perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan dan tawarkan oleh Perpustakaan UBD.

"Kami ingin memperlihatkan apa jua prasarana yang Perpustakaan UBD sediakan dalam peranannya sebagai organisasi sosial yang mendukung pendidikan dari awal membawa kepada pembelajaran sepanjang hayat.

"Kita mahu membawa semula komuniti kita kembali kepada perpustakaan, kembali kepada gedung ilmu yang sepatutnya kita manfaatkan dengan semaksimum mungkin," ujarnya.

Tambahnya lagi, kita dilingungi oleh beban kesaratan maklumat dan salah satu cara terbaik bagi menapis maklumat yang benar-benar sahih dan tepat adalah dengan kembali kepada belajar atau menggunakan perpustakaan, belajar, mengajar dan membuat kajian dalam suasana atau persekitaran yang lebih autoritatif, lebih reliable dengan rujukan kepada bahan buku, jurnal, pangkalan data sama ada dalam bentuk cetak atau elektronik.

Beliau menambah, adapun tujuan utama Hari Terbuka itu diadakan dan tujuan perpustakaan menjemput komuniti dari luar UBD ialah untuk mengetengahkan



percuma dan menawarkan peluang yang sangat baik untuk pelajar, pendidik dan pelajar sepanjang hayat untuk berhubung antara satu sama lain sambil berkongsi sumber luas yang disediakan oleh Perpustakaan UBD.

Bagi mereka yang berminat untuk menjadi ahli perpustakaan, kemudahan perkhidmatan khas disediakan bagi pendaftaran selain mendapat manfaat eksklusif keahlian dan promosi Hari Terbuka Perpustakaan. Untuk maklumat lanjut mengenai Hari Terbuka dan perkhidmatan perpustakaan, boleh melayari <http://library.ubd.edu.bn> atau mengikuti Instagram @ ubdlibrary.



PEMANGKU Ketua Pustakawan, Perpustakaan UBD, Haji Awang Muhammad Yussuf bin Pehin Orang Kaya Indera Dewa Dato Paduka Haji Awang Musa semasa berucap.

JMK serah sumbangan kepada Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin



PEMANGKU Pengarah JMK, Awang Haji Saiful Nizam bin Haji Sulaiman semasa menyampaikan sumbangan kepada Pemangku Pengarah Pembangunan Masyarakat, Dayang Fauziah binti Md. Salleh.

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Mufti Kerajaan

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 15 Januari. - Bagi membantu meringankan kesengsaraan dan beban penderitaan penduduk Palestin yang terjejas di Gaza, Jabatan Mufti Kerajaan (JMK), Jabatan Perdana Menteri pada hari ini telah menyerahkan sumbangan derma daripada pegawai dan kakitangan JMK kepada Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin di Gaza 2023 berjumlah BND7,000.

Sumbangan berkenaan disampaikan oleh Pemangku Pengarah JMK, Awang Haji Saiful Nizam bin Haji Sulaiman kepada Pemangku Pengarah Pembangunan Masyarakat, Dayang Fauziah binti Md. Salleh.

Majlis berlangsung di Bilik Mesyuarat Al-Ehsan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) di Berakas.

LUPA TOKEN PSCR 2.0?



CARA PENETAPAN SEMULA (RESET) TOKEN PSC AWDA

Whatsapp Talian Perhubungan (+673 7371961)
atau E-mel (query@spa.gov.bn) serta nyatakan:

1. Nama Penuh
2. Nombor Kad Pengenalan
3. Swafoto awda dengan memegang bahagian hadapan kad pengenalan



سورو هنجایي ڦر خدمتن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN



Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong Yang
Berdaftar
Dengan Kementerian
Pembangunan Di Dalam

Kelas :
Pembekal-Pembekal Yang
Diluluskan Sahaja

Kategori :
P02

1. Bilangan Tawaran:
JKR / DWS / 001 / 2024

Nama Projek :
Kerja-Kerja Pembaikan Luaran
Tangki SUMP dan Rumah PAM
Bagi Stesen Pengelapan Air
Rancangan Perumahan Negara Kg
Lugu

2. Bilangan Tawaran:
JKR / DWS / 002 / 2024

Nama Projek :
Membekal dan menghantar 1,000
Ton Metrik Aluminium Sulphate
Ke Stor Kimia Sinarubai dan
Loji-Loji Rawatan Air, Negara
Brunei Darussalam - Januari 2024
(Bahagian 1)

3. Bilangan Tawaran:
JKR / DWS / 003 / 2024

Nama Projek :
Membekal dan menghantar 1,000
Ton Metrik Aluminium Sulphate
Ke Stor Kimia Sinarubai dan
Loji-Loji Rawatan Air, Negara
Brunei Darussalam - Januari 2024
(Bahagian 2)

4. Bilangan Tawaran:
JKR / DWS / 004 / 2024



IKLAN JAWATAN KOSONG DI UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 38(a)

Universiti Islam Sultan Sharif Ali sukcita mempelawa pemohon-pemohon yang berminat dan memenuhi syarat-syarat kelayakan seperti di bawah daripada kalangan Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat di Perkhidmatan Awam sahaja bagi mengisikan jawatan kosong di Universiti Islam Sultan Sharif Ali seperti berikut :

**JAWATAN : TIMBALAN
PENDAFTAR**
TANGGA GAJI : UB.4
BAHAGIAN : I
KEKOSONGAN : SATU (1)

Tatacara Permohonan :

Borang permohonan – **Form P1 (Borang P1)** bolehlah, didapati dan diisi melalui dalam talian di

laman sesawang: <https://unissa.edu.bn/application/form-p1-borang-p1-non-academic-post-local/> Setelah lengkap mengisi borang permohonan melalui dalam talian, pemohon akan diberikan **Application Reference No. (ARN)** dan pemohon dikehendaki untuk menghantar e-mel ARN tersebut ke recruitment@unissa.edu.bn

Syarat-Syarat Lain :

Selain memohon melalui dalam talian, salinan *hardcopy* borang permohonan juga hendaklah dihantar melalui Ketua Jabatan yang mana Ketua Jabatan hendaklah menghadapkan permohonan tersebut dengan menyertakan bersama sokongan dan satu laporan sulit mengenai peribadi dan mutu kerja pemohon, penilaian prestasi tiga (3) tahun kebelakangan (sekurang-kurangnya SANGAT BAIK) dan salinan rekod perkhidmatan serta rekod cuti yang lengkap dan terkini. Dokumen berkenaan hendaklah dihantar ke alamat : Pendaftar, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, (U.P: Pejabat Sumber Tenaga Manusia)

Se semua permohonan hendaklah lengkap dan dihadapkan tidak lewat dari tarikh tutup iklan. Borang permohonan yang diterima setelah



tarikh tutup iklan tidak akan dilayan.

Hanya permohonan yang memenuhi syarat-syarat dan yang disenaraipendek (*shortlisted*) sahaja akan dihubungi dan dimaklumkan mengenai proses temu duga.

Tarikh Buka Permohonan :
Isnin, 15 Januari 2024

Tarikh Tutup Permohonan :
Sabtu, 27 Januari 2024

Rujukan Iklan :
UNISSA / IJK / TAPI / 2024

Jika ada sebarang pertanyaan bolehlah menghubungi **hotline** Pejabat Sumber Tenaga Manusia UNISSA +673 8687055 semasa waktu pejabat atau e-mel kepada recruitment@unissa.edu.bn



Bilangan Tawaran :
JKR / DBSBM025 / 2023

Nama Projek :
Kerja-Kerja Membaik Pulih
Bangunan
Pada 3 Blok Perumahan Balai
Bomba Mentiri,
Negara Brunei Darussalam

No. Projek :
2023DBSBM / BOM.05

Yuran Tawaran :
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada :**
Selasa,

30 Januari 2024

Tarikh Tutup :
Selasa,
13 Februari 2024,
Jam 2.00 Petang



DAN PERANGKAP GEGELOK
DEWAN MUHIBBAH,
BANGUNAN BAHARU DAN
BANGUNAN LAMA
BLOK 'A' DAN 'B',
JABATAN DAERAH BRUNEI
DAN MUARA BAGI TEMPOH
SATU (1) TAHUN.

Bilangan Tawaran :
JDBM / Q / 01 / 2024

Keterangan Tawaran :
KERJA-KERJA NYAHENAP
CEMAR TANGKI SEPTIK,
LURANG DAN PERANGKAP
GEGELOK PASAR
PANTAI JERUDONG,
MUKIM SENGKURONG
BAGI TEMPOH SATU(1) TAHUN.



Bilangan Tawaran :
JDBM / Q / 02 / 2024

Tarikh Tutup :
Tidak lewat Selasa,
30 Januari 2024,
Jam 2.00 Petang



Iklan Tarikh Lanjutan

Pemberitahuan Tawaran

Rujukan Tawaran :
MINDEF / DFA / FY2023 / TU / TA
/ 07
Pembelian Aksesori Pakaian
Seragam
Anggota-Anggota

Tentera Udara Diraja Brunei

Yuran Tawaran :
BND 30.00
(Tidak dikembalikan)

**Tarikh Tutup Tawaran
Dilanjutkan kepada :**
Selasa, 20 Februari 2024
2.00 Petang



Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong Yang
Berdaftar
Dengan Kementerian Pembangunan
Di Dalam

Kelas :
IV, V & VI

Kategori :
KA01 Kod Baharu

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran :
Selasa,
23 Januari 2024.

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,



6 Februari 2024.
Tidak lewat jam 2.00 Petang.

Bilangan Tawaran :
JKR / DTS / 01 / CQS / 2024 –
TV(SP)

Nama Projek :
Kerja-Kerja Membaik Pulih Tanah
Susur Di Bukit Kayangan

Yuran Tawaran :
BND500.00
(Tidak dikembalikan)





UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI

UNISSA / SB0063 / 2023 / 2024 -

Membekal Perkhidmatan Buruh Bagi Kampus Sinaut Tutong Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) Selama Satu (1) Tahun

UNISSA / SB0064 / 2023 / 2024 -

Membekal Perkhidmatan Buruh Bagi Kampus Gadong Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) Selama Satu (1) Tahun

UNISSA / SB0065 / 2023 / 2024 -

Membekal Perkhidmatan Pemeliharaan Memotong Rumput Bagi Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) Kampus Sinaut Tutong Selama Satu (1) Tahun

UNISSA / SB0066 / 2023 / 2024 -

Membekal Perkhidmatan Pemeliharaan Memotong Rumput Bagi Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) Kampus Gadong

PERATURAN PENGIKLANAN (SEKTOR AWAM / KERAJAAN) DI PELITA BRUNEI

IKLAN dalam salinan liut (*soft copy*) hendaklah dihantar dan diterima oleh Meja Iklan bagi **Iklan Tawaran TIDAK kurang dari empat (4) minggu dan Iklan Sebut Harga TIDAK kurang dari dua (2) minggu** sebelum tarikh iklan dicadangkan untuk diterbitkan.

Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah dibaca menggunakan **Microsoft Word** dengan **Font ARIAL saiz 12** dan Rang Iklan tersebut **MESTILAH** dihantar menggunakan **BAHASA MELAYU SAHAJA**.

- Sila sertakan dokumen-dokumen yang berkaitan dan nyatakan apa-apa keperluan iklan berkenaan, seperti tarikh terbitan untuk diiklankan dan sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah dihantar melalui :

E-MEL :

iklan.pb@information.gov.bn

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGKU :

+673 2383400
sambungan Meja Iklan

SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGKU MENGENAI IKLAN TERSEBUT.

RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.

IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.

Selama Satu (1) Tahun

UNISSA / SB0067 / 2023 / 2024 -

To Supply And Delivery Toner Printers For Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA)

UNISSA / SB0068 / 2023 / 2024 -

Membekal Dan Menghantar Mesin Pertanian Bagi Kegunaan Penyelidikan UNISSA – Organic Approach For Restoring Phosphorus Availability To Improve Acid Soil And Crop Productivity In Brunei Darussalam

UNISSA / SB0069 / 2023 / 2024 -

Supply, Delivery, And Installation Of Equipment For Ibnu Sina Scientific Laboratory Centre, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA)

UNISSA / SB0070 / 2023 / 2024 -

Supply And Delivery Of Reagents For Ibnu Sina Scientific Laboratory Centre, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA)

UNISSA / SB0071 / 2023 / 2024 -

To Supply, Delivery, Warranty, Testing & Commissioning Of 75-Inch



UHD Smart TV With Custom Installation Package Of Mounting Bracket, Cables & Accessories For Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA)

Bayaran Yuran Tawaran :

BND10.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran :

Rabu,
31 Januari 2024,
Jam 2.00 Petang



1. UNISSA / SB0059 / 2023 / 2024

Checking, General Servicing, Repair And Top Up Gas Varies Type Of Air-Conditioning Unit At Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) Campus Sinaut Tutong For One (1) Year
[Class: I & II] [Category: M01 only - With Valid Registered Company And Workers Registration With MOD And DES]

2. UNISSA / SB0060 / 2023 / 2024

Checking, General Servicing, Repair And Top Up Gas Varies Type Of Air-Conditioning Unit At Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) Campus Gadong For One (1) Year
[Class: I & II] [Category : M01 Only - With Valid Registered Company And Workers Registration With MOD And DES]

Bayaran Yuran Tawaran :

BND10.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran :

Rabu,
31 Januari 2024,
Jam 2.00 Petang



PEJABAT PEGUAM NEGARA
JABATAN PERDANA MENTERI

Bilangan Tawaran:
PPN / ASSET / BUU / QTN / 2024 / 1 / 3

Tajuk Tawaran :
Renovation Including Supply And Installation Of Furnishes And Fixtures For Male And Female Surau, Second Floor, Law Building, Attorney General's Chambers, Jalan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Bandar Seri Begawan

Bayaran Yuran Tawaran :
BND5.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa 23 Januari 2024
Jam 2.00 Petang



PEJABAT PEGUAM NEGARA
JABATAN PERDANA MENTERI

Bilangan Tawaran:
PPN / ASSET / BUU / CONTRACT / 2024 / 1 / 1

Tajuk Tawaran :
Term Contract (12) Months For Landscaping Works At The Law Building And Law And Court Building, Attorney General's Chambers, Jalan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Bandar Seri Begawan

Bayaran Yuran Tawaran :
BND5.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa 30 Januari 2024
Jam 2.00 Petang



1. UNISSA / SB0061 / 2023 / 2024

One (1) Year Term Contract For Electrical Maintenance Works For Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) Campus Gadong
[Class : I & II]
[Category : E01 & E02 Only With Valid Registered Company And Workers Registration With MOD And DES]

2. UNISSA / SB0062 / 2023 / 2024

One (1) Year Term Contract For Electrical Maintenance Works For Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) Campus Sinaut Tutong



[Class : I & II]
[Category : E01 & E02 Only With Valid Registered Company And Workers Registration With MOD And DES]

Bayaran Yuran Tawaran :
BND10.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran :
Rabu,
31 Januari 2024,
Jam 2.00 Petang



JABATAN MUZEUM-MUZIUM
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN

Bilangan Tawaran:
43 / JMM / S / 12 / 91 (2023 / 2024) - R

Tajuk Tawaran:
Pembelian Mannequins Untuk Pameran Muzium Alat Kebesaran Diraja, Jabatan Muzium-Muzium

Tarikh Tutup Tawaran :
Dilanjutkan kepada :
Selasa, 23 Januari 2024.
Jam 2.00 Petang.

LCB TERIMA LAWATAN PELAJAR GUANGXI UNIVERSITY OF FINANCE AND ECONOMICS

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 15 Januari. - Kolej Perniagaan Laksamana (Laksamana College of Business - LCB) Negara Brunei Darussalam (NBD) dengan kerjasama Go Study, pagi tadi mengalu-alukan 50 pelajar dari Guangxi University of Finance and Economics yang mengadakan Lawatan Sambil Belajar ke kolej berkenaan, di sini.

Majlis dimulakan dengan ucapan perasmian daripada Mr. Sivarajah, diikuti dengan Majlis Perasmian diisikan dengan sesi ice-breaking yang dikendalikan oleh Majlis Pelajar LCB.

Para pelajar dari Guangxi University of Finance and Economics berkenaan akan berada di LCB dari 15 hingga 24 Januari 2024 dengan melibatkan diri mereka dalam memperkaya pelbagai pengalaman.

Di bawah bimbingan LCB, lawatan sambil belajar berkenaan akan memperkenalkan budaya dan adat resam NBD, bahasa Melayu Brunei, permainan dan kuih-muih tradisional.

Program berkenaan juga turut menampilkan kelas-kelas yang merangkumi pembangunan e-Dagang di NBD, yang mengetengahkan sesi khusus



SERAMAI 50 pelajar dari Guangxi University of Finance and Economics mengadakan Lawatan Sambil Belajar ke Kolej Perniagaan Laksamana.

mengenai trend dan kemajuan terkini dalam pelbagai bidang dinamik, serta perbahasan yang menarik dan kelas perbincangan yang difasilitasi oleh pensyarah LCB, mempromosikan perbualan yang berasas, dan meningkatkan kemahiran berfikiran kritis.

Sesi interaktif yang diketuai oleh ahli fakulti yang berpengalaman, bertujuan untuk menggalakkan perspektif global dan menyumbang

kepada pertumbuhan akademik dan peribadi pelajar.

Salah satu kemuncak program berkenaan ialah Kelas Pemasaran Digital, dengan para pelajar akan memperoleh pengetahuan praktikal dan kemahiran penting untuk mengemudi landskap perniagaan semasa.

Matlamat utama adalah untuk memperkasa para pelajar untuk menyumbang secara aktif kepada

masarakat berdaya saing yang kita diamai.

Komitmen LCB terhadap pendidikan inovatif peringkat tinggi akan dipertahankan sepanjang lawatan sambil belajar, bagi memupuk persekitaran pembelajaran mesra yang menggalakkan kerjasama dan pertukaran budaya.

Memandang ke hadapan, LCB berhasrat untuk menganjurkan lebih banyak acara seperti berkenaan, bertujuan untuk mendedahkan NBD kepada komuniti pelajar

antarabangsa yang lebih luas dan mengukuhkan kedudukan negara sebagai hab pendidikan antarabangsa peringkat teratas.

Tambahan pula, LCB akan menganjurkan Hari Terbuka LCB pada 17 hingga 19 Februari 2024 dari jam 11.00 pagi hingga 8.00 malam.

Untuk sebarang pertanyaan mengenai kem pengajian, sila hubungi LCB menerusi talian +673 2238816 / 18 atau +673 8907927 dan melalui platform media sosial LCB di Instagram @lcb_brunei.

Vendor Pesta Pengguna Ke-28 diberi taklimat

Berita dan Foto : Pg. Syiaruddin Pg. Dauddin



D'SUNLIT Sdn. Bhd. mengadakan taklimat bagi membarigakan maklumat kepada para vendor Pesta Pengguna Ke-28.

GADONG, Isnin, 15 Januari. - Dalam usaha untuk membarigakan

maklumat kepada para vendor Pesta Pengguna Ke-28 (28th Consumer Fair), D'Sunlit Sdn. Bhd. petang tadi mengadakan taklimat bagi pesta berkenaan yang berlangsung di Dewan Serbaguna, syarikat berkenaan, di sini.

Lebih 200 vendor menghadiri taklimat bagi acara berkenaan yang akan dijadualkan berlangsung bermula pada 24 hingga 28 Januari 2024 di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Pesta Pengguna Ke-28 telah disusun dengan teliti dengan tema inspirasi dan motivasi yang direka untuk membantu individu memulakan tahun baharu dengan tenaga dan keazaman yang diperbaharui.

Bertemakan 'New Year, New

Me', pesta pada tahun ini bertujuan untuk menyediakan peluang bagi para pengunjung untuk meneroka azam tahun baru mereka dengan menemui produk dan perkhidmatan yang menyokong matlamat peribadi dan profesional masing-masing.

Dengan lebih daripada 500 vendor dijangka mempamerkan pelbagai produk dan perkhidmatan, Pesta Pengguna berkenaan merupakan peluang untuk menjadi pasaran yang bertentara kepada para vendor dan pengunjung.

Untuk maklumat lanjut, sila ikuti perkembangan Pesta Pengguna Ke-28 dengan mengikuti Facebook rasmi D'Sunlit Sdn. Bhd. : Brunei Consumer Fair, dan akaun rasmi Instagram di @consumerfair.bn.

Pendaftaran SMS keputusan Peperiksaan BCGCE Peringkat 'AS', 'A' dibukakan

Siaran Akhbar : Kementerian Pendidikan

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 16 Januari . - Kementerian Pendidikan dengan kerjasama Datastream Digital Sdn. Bhd. (DST), Progresif Sdn. Bhd., Imagine Sdn. Bhd. dan Mach Telecommunications Systems Sdn. Bhd. (MachTel) akan menawarkan Perkhidmatan Pesanan Ringkas (SMS) bagi mendapatkan keputusan Peperiksaan Brunei-Cambridge GCE Peringkat 'AS' dan 'A' Sesi Oktober / November 2023.

Ibu bapa atau penjaga dan pelajar yang ingin melanggan perkhidmatan ini boleh membuat pendaftaran melalui khidmat pesanan ringkas (SMS) dengan memasukkan teks berikut : MOE<jarak>REG<jarak>[KOD PUSAT]<jarak>[NOMBOR CALON]<jarak>[NOMBOR I.C. CALON] dan dihantar ke 8885555 bagi pelanggan DST, 38666 bagi pelanggan Progresif Sdn. Bhd. dan 39966 bagi pelanggan Imagine Sdn. Bhd.

Tiada bayaran akan dikenakan sewaktu pendaftaran melalui telefon bimbit.

Ibu bapa atau penjaga dan pelajar boleh mula melanggan perkhidmatan ini mulai pada Rabu, 17 Januari 2024.

Keputusan peperiksaan hanya akan dihantar kepada pelanggan melalui SMS setelah mendapat kelulusan daripada Jabatan Peperiksaan, Kementerian Pendidikan untuk mengeluarkan keputusan tersebut. Pelanggan akan dikenakan pembayaran berjumlah BND3 bagi setiap keputusan SMS yang diterima.

Kementerian Pendidikan berharap melalui perkhidmatan yang disediakan ini akan dapat memberi manfaat kepada orang ramai terutama sekali para ibu bapa atau penjaga dan pelajar serta pihak berkepentingan Kementerian Pendidikan secara umum.

Untuk mendapatkan maklumat lanjut atau ingin menghadapkan sebarang pertanyaan mengenai tatacara pendaftaran, bolehlah berhubung terus melalui nombor +673 8671355 atau e-mel kepada moeresults@machbrunei.com.



ANTARA vendor yang hadir pada taklimat tersebut.

IRSYAD HUKUM
 جایز معنے کل جان
 جایز معنے کل جان
 Jabatan Mufti Kerajaan
 Jabatan Perdana Menteri
 Negara Brunei Darussalam
 Website : www.mufti.gov.bn
 E-mail : fatwa@mufti.gov.bn - info@mufti.gov.bn

Keluaran Pertama

(Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam*, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

PEMINANGAN dalam bahasa Arab ialah *khithbah*. Maksud *khithbah* atau peminangan itu dari sudut syara' ialah permintaan peminang (*khathib*) untuk melakukan pernikahan daripada pihak yang dipinang (*makhthubah*), sama ada pihak tersebut adalah perempuan yang hendak dipinang itu sendiri atau wali perempuan tersebut atau selain keduanya.

Peminangan merupakan suatu perbuatan yang sabit dilakukan oleh Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* berdasarkan hadits daripada 'Urwah Radhiallahu 'anhу, beliau berkata:

Maksudnya: Sesungguhnya Nabi *Shallallahu 'alaihi wasallam* telah meminang 'Aisyah (dengan mengajukan peminangan Baginda itu) kepada Abu Bakr.

(Hadits riwayat al-Bukhari)

Dalam hadits yang lain, Sayyidina 'Umar Radhiallahu 'anhу menceritakan bahawa ketika beliau mencari suami untuk anak beliau Sayyidatina Hafshah Radhiallahu 'anha, anak beliau itu lalu dipinang oleh Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam*. Sayyidina 'Umar Radhiallahu 'anhу berkata:

Maksudnya: Kemudian Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* meminangnya (Hafshah), maka aku pun menikahkannya

Meminang Perempuan Dalam 'Iddah

(*Hafshah*) dengan Baginda.

(Hadits riwayat al-Bukhari)

Menurut para ulama, seorang lelaki harus meminang perempuan yang belum bernikah dan perempuan yang tidak menjalani 'iddah. Namun haram hukumnya bagi seorang lelaki meminang perempuan yang sudah bernikah. Bagaimana pula hukum meminang perempuan yang masih dalam 'iddah? Irsyad Hukum kali ini akan memberikan penjelasan mengeninya.

Menurut para ulama, hukum meminang perempuan dalam 'iddah tertakluk kepada lafaz yang digunakan ketika melakukan peminangan, iaitu sama ada peminangan itu dilakukan dengan lafaz *tashrih* atau dengan lafaz *ta'ridh*, dan tertakluk kepada keadaan perempuan yang dalam 'iddah sama ada dicera dengan talak *ba'in* atau talak *raj'i* atau perempuan yang dicera dengan *fasakh* atau *infisakh* atau perempuan yang kematian suami atau perempuan dalam 'iddah kerana pernikahan yang *syubhah*.

Menurut para ulama, hukum meminang perempuan dalam 'iddah tertakluk kepada lafaz yang digunakan ketika melakukan peminangan, iaitu sama ada peminangan itu dilakukan dengan lafaz *tashrih* atau dengan lafaz *ta'ridh*, dan tertakluk kepada keadaan perempuan yang dalam 'iddah sama ada dicera dengan talak *ba'in* atau talak *raj'i* atau perempuan yang dicera dengan *fasakh* atau *infisakh* atau perempuan yang kematian suami atau perempuan dalam 'iddah kerana pernikahan yang *syubhah*.

Maksud meminang dengan lafaz *tashrih* ialah menggunakan lafaz yang pasti dan jelas menunjukkan keinginan untuk melakukan pernikahan. Contoh meminang dengan lafaz *tashrih* itu ialah seperti seseorang berkata "Aku ingin menikahimu" atau "Apabila engkau selesai menjalani 'iddah, aku akan menikahimu".

Manakala maksud meminang dengan lafaz *ta'ridh* pula ialah menggunakan lafaz yang tidak pasti dan tidak jelas menunjukkan keinginan untuk melakukan pernikahan, bahkan lafaz yang digunakan turut kemungkinan menunjukkan keinginannya untuk melakukan pernikahan dan berkemungkinan juga tidak bermaksud demikian. Contoh meminang dengan lafaz *ta'ridh* itu ialah seperti seseorang berkata "Engkau cantik" atau "Betapa ramai lelaki yang suka padamu" atau "Siapa yang dapat jumpa perempuan seperti ini?" atau "Sesungguhnya Allah Ta'ala akan membawamu kepada kebaikan" atau "Engkau tidak akan kekal hidup menjanda" atau "Aku tidak membencimu" atau "Apabila engkau telah selesai menjalani 'iddah, maka beritahu aku" atau "Aku suka padamu".

Hukum meminang perempuan dalam 'iddah dengan menggunakan lafaz *tashrih* atau lafaz *ta'ridh* adalah seperti berikut:

1. Menggunakan lafaz *tashrih*.

Menurut Imam Zainuddin al-Malibari *Rahimahullah* dalam kitabnya *Fath al-Mu'in*, haram hukumnya bagi seorang lelaki (selain bekas suami) meminang perempuan dalam 'iddah dengan menggunakan lafaz *tashrih* sebagai mana katanya:

Ertinya: Haram (menggunakan lafaz) *tashrih* pada peminangan perempuan

dalam 'iddah (yang dilafazkan) daripada selainnya (bekas suaminya).

Perempuan dalam 'iddah yang diharamkan untuk dipinang dengan lafaz *tashrih* itu ialah perempuan yang dicera dengan talak *ba'in* atau talak *raj'i* atau perempuan yang dicera dengan *fasakh* kerana aib yang ada pada suami atau isteri atau perempuan yang dicera dengan *infisakh* seperti kedua-dua suami dan isteri menjadi murtad atau salah seorang menjadi murtad atau perempuan yang kematian suami atau perempuan dalam 'iddah kerana pernikahan yang *syubhah*.

Perkara ini adalah berdasarkan *mafhum* daripada firman Allah *Subhanahu wa Ta'alaa*:

Tafsirnya: Dan tidaklah ada dosa ke atas kamu tentang apa yang kamu bayangkan (secara sindiran) untuk meminang perempuan (yang masih dalam 'iddah kerana kematian suami). (Surah al-Baqarah: 235)

Menurut Imam al-Bujairimi *Rahimahullah* dalam *Hasyiyah al-Bujairimi* 'ala al-Khathib, ayat di atas menunjukkan bahawa peminangan yang dilakukan dengan lafaz *ta'ridh* kepada perempuan dalam 'iddah adalah tidak haram. Ini bererti bahawa berdasarkan *mafhum* daripada ayat tersebut, peminangan yang dilakukan dengan lafaz *tashrih* kepada perempuan dalam 'iddah adalah haram. Menurut Ibn 'Athiyyah *Rahimahullah* sepetimana yang dinukil oleh asy-Syaikh al-Khathib asy-Syarbini *Rahimahullah* dalam kitabnya *Mughni al-Muhtaj*, pengharaman meminang perempuan dalam 'iddah bagi selain bekas suami dengan lafaz *tashrih* merupakan ijma' ulama.

Adapun hikmah diharamkan meminang perempuan dalam 'iddah dengan lafaz *tashrih* adalah kerana peminangan yang dilakukan dengan lafaz *tashrih* itu membuktikan kepada perempuan tersebut bahawa lelaki yang meminang itu benar-benar menyukainya dan kemungkinan ini akan mendorong perempuan tersebut untuk melakukan penipuan tentang tempoh selesai 'iddahnya. Perkara ini kerana menurut Imam al-Mawardi *Rahimahullah*, terdapat sebahagian perempuan yang memiliki syahwat yang kuat dan suka kepada perkahwinan yang boleh mendorongnya untuk melakukan penipuan.

2. Menggunakan lafaz *ta'ridh*.

Menurut Imam Ibn Hajar al-Haitami *Rahimahullah* dalam kitabnya *Tuhfah al-Muhtaj*, perempuan dalam 'iddah kerana dicera dengan talak *raj'i* dan perempuan dalam 'iddah kerana dicera dengan *infisakh* disebabkan suami yang murtad adalah haram dipinang oleh seorang lelaki

(selain bekas suami) dengan menggunakan lafaz *ta'ridh*. Menurut Imam asy-Syarwani *Rahimahullah* dalam *Hasyiyah Tuhfah al-Muhtaj*, peminangan dengan lafaz *ta'ridh* itu tetap haram walaupun bekas suami memberi izin kepada bekas isterinya yang dicera dengan talak *raj'i* untuk dipinang.

Adapun sebab larangan itu adalah kerana perempuan dalam 'iddah kerana dicera dengan talak *raj'i* masih lagi dalam makna isteri kerana dia akan kembali menjadi isteri kepada suaminya menerusi *ruju'*. Manakala perempuan dalam 'iddah kerana dicera dengan *infisakh* disebabkan suami yang murtad juga masih lagi dalam makna isteri kerana dia akan kembali menjadi isteri kepada suaminya jika suaminya kembali semula kepada Islam.

Perkara ini disebut oleh Imam Ibn Hajar al-Haitami *Rahimahullah* dalam kitabnya *Tuhfah al-Muhtaj*:

Ertinya: Dan tidak (halal meminang menggunakan lafaz) *ta'ridh* kepada perempuan dalam 'iddah kerana dicera dengan talak *raj'i* dan perempuan dalam 'iddah disebabkan (suami) murtad kerana kedua-duanya dalam makna isteri disebabkan kedua-duanya (akan) kembali kepada (ikatan) pernikahan dengan sebab *ruju'* dan (kembali kepada) Islam.

Adapun selain perempuan dalam 'iddah kerana dicera dengan talak *raj'i* dan perempuan dalam 'iddah kerana dicera dengan *infisakh* disebabkan suami yang murtad, maka harus hukumnya bagi seorang lelaki meminang perempuan dalam 'iddah dengan menggunakan lafaz *ta'ridh* berdasarkan firman Allah *Subhanahu wa Ta'alaa*:

Tafsirnya: Dan tidaklah ada dosa ke atas kamu tentang apa yang kamu bayangkan (secara sindiran) untuk meminang perempuan (yang masih dalam 'iddah kerana kematian suami). (Surah al-Baqarah: 235)

Ini bererti perempuan dalam 'iddah yang harus dipinang oleh seorang lelaki selain bekas suaminya dengan lafaz *ta'ridh* itu ialah perempuan yang kematian suami walaupun dia sedang hamil semasa menjalani 'iddahnya dan perempuan yang dicera dengan talak *ba'in*. Perkara ini dinyatakan oleh Imam an-Nawawi *Rahimahullah* dalam kitabnya *Minhaj ath-Thalibin* sebagaimana katanya:

Ertinya: Dan halal (meminang menggunakan lafaz) *ta'ridh* perempuan dalam 'iddah kematian (suami) dan begitu juga bagi perempuan (dalam 'iddah) kerana *ba'in* menurut pendapat *al-azhar*.

Perempuan dalam 'iddah kerana *ba'in* itu ialah seperti perempuan yang dicera dengan *fasakh* dan perempuan dalam 'iddah kerana pernikahan yang *syubhah*.

Musabaqah peringkat saringan bermula 17 Januari

Siaran Akhbar dan Infografik : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 15 Januari. - Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU)

sukacita mengumumkan bahawa Musabaqah Menghafaz Al-Quran Berserta Pemahamannya Peringkat

Saringan Kebangsaan Tahun 1445 Hijrah akan berlangsung selama enam hari iaitu pada 17, 18, 20, 22, 23 dan 24 Januari 2024 bertempat di Pusat Pengajian dan Penyebaran Al-Quran MABIMS, Blok 2H, Tingkat 7 dan 8, Kondominium Ong Sum Ping, Jalan Ong Sum Ping, Bandar Seri Begawan.

Sehubungan itu, peserta-peserta yang terlibat hendaklah hadir lebih awal pada hari, tarikh dan waktu yang ditetapkan mengikut kategori masing-masing.

Bagi Kategori 'A', akan diadakan pada Rabu, 17 Januari 2024, Kategori 'B' pada Khamis, 18 Januari 2024 manakala bagi Kategori 'D' pula diadakan pada Sabtu iaitu 20 Januari 2024 kemudian bagi Kategori 'E' akan diadakan pada Isnin, 22 Januari 2024 dan Kategori 'C' pada Selasa dan Rabu, 23 dan

HARI	HARI DAN TARikh	KATEGORI	MASA
Hari Pertama (Rabu)	05 Rejab 1445 17 Januari 2024	Kategori 'A'	8.00 pagi
			1.45 petang
Hari Kedua (Khamis)	06 Rejab 1445 18 Januari 2024	Kategori 'B'	8.00 pagi
			1.45 petang
Hari Ketiga (Sabtu)	08 Rejab 1445 20 Januari 2024	Kategori 'D'	8.00 pagi
			1.45 petang
Hari Keempat (Isnin)	10 Rejab 1445 22 Januari 2024	Kategori 'E'	8.00 pagi
			Rehat
Hari Kelima (Selasa)	11 Rejab 1445 23 Januari 2024	Kategori 'C'	8.00 pagi
			1.45 petang
Hari Keenam (Rabu)	12 Rejab 1445 24 Januari 2024		8.00 pagi
			1.45 petang

24 Januari 2021.

Kesemua kategori tersebut akan diadakan bermula jam 8.00 pagi dan juga 1.45 petang kecuali bagi Kategori 'E' yang hanya diadakan pada sebelah pagi

sahaja. Bagi sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi terus Pusat Pengajian dan Penyebaran Al-Quran MABIMS menerusi talian +673 2237512 atau +673 2233364.

Harga runcit komoditi makanan utama terpilih kini tersedia Sila muat turun

PenggunaBijak



BILIF OPEN DAY 2024 KETENGAHKAN IDEA PEMBANGUNAN KEPIMPINAN ORGANISASI



KETUA Pegawai Eksekutif BILIF, Dayang Hajah Sufinah binti Haji Sahat pada BILIF Open Day 2024 menyampaikan ucaptama.

TUNGKU LINK, Selasa, 16 Januari.

- Institut Kepimpinan dan Kewangan Islam Brunei (BILIF) menganjurkan BILIF Open Day 2024 di Bangunan ILIA, Universiti Brunei Darussalam (UBD).

Acara dihadiri lebih 150 peserta dari organisasi-organisasi di sektor awam dan swasta termasuk Kementerian Hal Ehwal Ugama, Brunei Darussalam Central Bank (BDCB), Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD).

BILIF Open Day 2024, yang bertemakan 'Navigating Tomorrow's Success' telah menampilkan pakar-pakar serta pengamal-pengamal industri tempatan dan antarabangsa yang membincangkan idea dan topik-topik penting bagi mencapai kejayaan seperti perkembangan peribadi, kepimpinan dan budaya organisasi.

Dalam ucapan alu-aluan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif, BILIF, Awang Haji Afero Eswandy bin Haji Mohammad antara lain

Berita dan Foto : Marlinawaty Hussin

mengetengahkan mengenai pentingnya acara berkenaan untuk memberi inspirasi serta galakan kepada para peserta bagi mencapai kejayaan dalam kerjaya dan bidang masing-masing.

Beliau juga mengalau-alukan peserta yang berminat untuk mendapatkan penerangan lebih lanjut berkaitan dengan program, acara dan pensijilan yang ditawarkan oleh BILIF sepanjang tahun 2024 pada acara tersebut.

Acara diikuti dengan ucaptama bertajuk 'From Vision to Victory : Charting Your Course to Success' yang disampaikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif BILIF, Dayang Hajah Sufinah binti Haji Sahat.

Beliau menyentuh mengenai kepentingan usaha, masa, dan dedikasi setiap individu untuk mencapai kejayaan.

Dayang Hajah Sufinah turut menitikberatkan pentingnya menimba pengetahuan, sentiasa menyesuaikan diri dengan perubahan, berani untuk membuat kesilapan dan seterusnya belajar daripadanya sebagai elemen-elemen penting untuk mencapai dan mengekalkan kejayaan.

BILIF Open Day 2024 ini juga menyaksikan majlis penganugerahan sijil Professional Diploma in Islamic Finance and Economics di mana seramai enam peserta diraikan setelah berjaya menamatkan program Leadership in Islamic Finance and Economics (LIFE) Common Core.

Program LIFE Common Core telah mendapat pengiktirafan dan penetapan pada Tahap 4 menurut United Kingdom (UK) Regulated Qualification Framework oleh The London Institute of Banking and

Finance.

Salah satu program khas BILIF yang juga mendapat pengiktirafan dan penetapan pada Tahap 7 ialah Fiqh Mu'amalat Practitioners Programme (FMPP).

Pengiktirafan ini menggariskan komitmen BILIF dalam memastikan bahawa program-program BILIF diiktiraf di peringkat antarabangsa dengan standard yang tinggi, terutama dalam bidang kewangan Islam.

Segmen pertama bagi acara tersebut dimulakan dengan sebuah perbincangan plenari bertajuk 'Navigating Tomorrow's Success' yang dikendalikan Pemangku Pengurus Kanan, Learning & Development Department BILIF, Dayang Ida Nazrena binti Haji Bujang, selaku moderator.

Ahli-ahli panel terdiri daripada Ketua Pegawai Eksekutif, Standard Chartered Bank (SCB) Brunei, Pengiran Aki Ismasufian bin Pengiran Haji Ibrahim; Associate Facilitator, Workplace Asiadan Society for Human Resource Management (SHRM) Associate Trainer, SHRM, Asia Tenggara, Jacqueline Choy; Ketua Pegawai Eksekutif, Islamic Banking and Finance Institute Malaysia (IBFIM), Yusry Yusoff; dan Pengasas, Chapter One Asia, Dr. Wendy Lee.

BILIF juga mengadakan beberapa sesi perkongsian pada sebelah petang, antaranya 'Achieving High Performance Organisational Culture' oleh Tham Chien Peng, SHRM; 'Dress to impress : Nailing The First impression' oleh Dr. Wendy Lee, Chapter One Asia International; 'Tools for Success: Building Confidence, Communication and Time Management' oleh Julius Hong Yan Cin, Dayangku Aniqah

Syairah binti Pengiran Ruslan dan Dayangku Ayumi Qistina binti Pengiran Mohd Yusof, BILIF; serta 'Emotional intelligence for Leaders' oleh Chong Wan Ching, VIVA.

Turut diadakan ialah Klinik kerjaya yang dikendalikan oleh wakil-wakil dari BILIF, SHRM dan ICA bertujuan untuk menawarkan bimbingan dan sumber yang boleh membantu dalam membangunkan kemahiran dan kecekapan yang diperlukan di bidang masing-masing.

BILIF juga menganjurkan pameran yang disertai oleh BDCB, BILIF dan rakan-rakan strategik BILIF di dalam dan di luar negara seperti Majlis Perancangan Tenaga Manusia dan Pekerjaan (MPEC), Pusat Pembelajaran Sepanjang Hayat (L3C), International Compliance Association (ICA) dan SHRM.

Pameran tersebut memperkenalkan pelbagai peluang pembelajaran dan maklumat yang bermanfaat khususnya dalam perkembangan kerjaya dan peribadi para pengunjung.

Dalam masa yang sama, BILIF juga telah mengadakan inisiatif tanggungjawab sosial korporat (CSR) pada acara tersebut dengan menyediakan beberapa ruang pameran dan jualan secara percuma khusus bagi usahawan-usahawan yang berdaftar di bawah Program Pengupayaan Asnaf Zakat (PROPAZ), Konsortium Mualafpreneurs, dan BIBD Special Entrepreneurial Empowerment and Development Scheme (BIBD SEED).

BILIF, sebagai sebuah pusat kecemerlangan bagi industri kewangan di negara ini, sentiasa giat menjalankan misinya untuk membentuk pemimpin, pakar dan pemacu inovasi masa hadapan terutama dalam bidang kewangan Islam dan kepimpinan melalui program dan acara bertaraf antarabangsa.

Maklumat lanjut mengenai BILIF boleh didapati melalui laman sesawang BILIF di www.bilif.com.bn atau akaun Instagram @BILIF_bn.



ANTARA yang ikut serta pada BILIF Open Day 2024.


ALAI PINTAR
SOALAN 117

SOALAN 17 JANUARI 2024, RABU

Pilih jawapan yang sesuai bagi setiap soalan

1. Sembahyang berjemaah ialah sembahyang yang terdiri daripada seorang _____ dan sekurang-kurangnya seorang makum.
 - a) imam
 - b) ibu
 - c) kanak-kanak
2. Araf perempuan dalam sembahyang ialah seluruh badan kecuali _____ dan hujung jari tangan hingga pergelangan tangan.
 - a) muka
 - b) kaki
 - c) kepala
3. Luna mempunyai 1,150 setem dan Adira pula mengumpul sebanyak 2,550 setem. Berapa jumlah setem Luna dan Adira jika dikumpul semua?
 - a) 3,700 setem
 - b) 3,000 setem
 - c) 4,700 setem

TARIKH TUTUP: 31 JANUARI 2024

HADIAH PEMENANG

1. ALAI YANG BERJAYA DIHADKAN UNTUK SEORANG SAHAJA, UNDIAN AKAN DILAKUKAN JIKA RAMAI DALAM KALANGAN ALAI YANG MENJAWAB DENGAN TEPAT.

2. ALAI AKAN MENERIMA HADIAH BAUCER SAMIMA SDN BHD BERNILAI **BND40.00**

PEMENANG ALAI PINTAR 116

Nama: Muhammad Ajil Shazuan bin Shukri
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan: 53460952. Sekolah: Sekolah Rendah Amo, Temburong

Nama: Muhammad Khalid Fathullah bin Khairul Amilin
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan: 0115591. Sekolah: Sekolah Panchor Murai

Nama: Ak. Muhammad Shahibul Akbar Hidayat bin Pg. Adanan
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan: 0117877-01. Sekolah: Sekolah Rendah Lambak Kanan

SYARAT PERADUAN

1. Jika Alai berumur 12 tahun ke bawah dan murid sekolah rendah mahupun menengah kerajaan atau swasta, maka Alai dibenarkan menjawab soalan

2. Alai dibenarkan menghantar SATU penyertaan sahaja ke :

- Sidang Pengarang, ALAI PINTAR Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, BB3510 Negara Brunei Darussalam
- Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Belait;
- Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Tutong; dan
- Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Temburong.

3. Alai juga boleh menggambar jawapan dan menghantar terus melalui aplikasi Whatsapp ke talian **+673 8300836** atau emel ke pelita.brunei@information.gov.bn

4. Alai mestilah mengisikan maklumat di bawah dengan betul dan lengkap

Nama :
Tarikh Lahir :
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan :
Sekolah :
Tahun :
Alamat :

Nombor Telefon (mudah dihubungi) :

JAWAPAN UNTUK SOALAN ALAI PINTAR 116

1. B – Buku
2. A – 1 650
3. C – Fardu Kifayah

منجو کریضاءں اللہ MENUJU KEREDAAN ALLAH کو لأن فوسة دعوه اسلامیہ

SLAM menggalakkan umatnya untuk mencari rezeki yang halal dengan hasil usaha mereka sendiri iaitu dengan bekerja. Dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam Al-Bukhari, daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu, bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya :

"Demi Allah, sesungguhnya orang yang membawa seberkas kayu di atas belakangnya adalah lebih baik daripada dia meminta-minta daripada orang lain sama ada diberi atau pun tidak".

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sangat menganjurkan umatnya untuk bekerja bahkan Baginda juga menghargai setiap jenis pekerjaan asalkan pekerjaan tersebut adalah halal. Baginda tidak menginginkan umatnya mengemis, meminta-minta dan menjadi beban kepada orang lain. Baginda memberikan contoh teladan daripada kisah Nabi Daud 'alaihissalam yang makan daripada hasil pekerjaannya sendiri dan dia tidak meminta-minta sebagaimana dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam Al-Bukhari, daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu, bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya :

"Nabi Daud 'alaihissalam selalu makan

dari hasil pekerjaan tangannya sendiri".

Dalam Islam, 'bekerja' merupakan satu kewajipan atau fardu. Secara hukum fiqhnya pula, seseorang yang menjalankan kewajipan atau yang difardukan akan diberikan pahala, sedangkan mereka yang meninggalkan tanggungjawabnya baik terhadap dirinya atau tanggungannya akan mendapat dosa. Bekerja hendaklah dilaksanakan dengan niat yang ikhlas kerana Allah Subhanahu Wata'ala kerana dari niat yang ikhlas akan menimbulkan sifat jujur, amanah, berdisiplin, cekap, taat dan boleh dipercayai yang akhirnya akan melahirkan corak pekerjaan yang sempurna dan berkualiti.

Allah Subhanahu Wata'ala sangat menyukai hamba-Nya yang memperelokkan pekerjaannya. Kerja yang dilakukan dengan bersungguh-sungguh menggambarkan kesempurnaan iman dan takwa, ketulusan hati, keluhuran budi serta kemuliaan akhlak yang semua sifat itu akan dikira oleh Allah Subhanahu Wata'ala dalam menentukan amal hamba-Nya diterima atau sebaliknya. Dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam Al Baihaqi, daripada Sayidatina Aisyah, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah bersabda yang maksudnya :

"Sesungguhnya Allah menyukai apabila salah seorang daripada kamu melakukan sesuatu pekerjaan, ia melakukannya dengan baik, sempurna dan teliti".

Dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad, daripada Abu Hurairah

Radiallahuanhu, Rasulullah Alaihi Wasallam bersabda maksudnya :

"Sebaik-baik pekerjaan ialah usahanya seorang pekerja apabila ia berbuat dengan sebaik-baiknya".

Sememangnya, Allah Subhanahu Wata'ala telah menjamin dan menetapkan rezeki setiap makhluk di muka bumi ini. Namun, setentunya ia perlu disertakan dengan usaha dan titik peluh dan bukannya hanya dengan menunggu, enggan bekerja dan berusaha dengan alasan bertawakal kepada Allah. Setiap rezeki itu perlu diusahakan dan ianya tidak datang dengan sendiri. Allah Subhanahu Wata'ala menjadikan dunia ini sebagai hamparan rezeki yang sangat luas untuk kita berusaha mencari rezeki yang Halalan Thayyiban. Justeru, Allah memerintahkan manusia agar berusaha sesuai dengan kemampuan. Soal berkaitan kecukupan, keluasan atau kesesuaian rezeki itu terpulang kepada kehendak Allah yang Maha Luas pengetahuan-Nya.

Allah Subhanahu Wata'ala menjanjikan pahala bagi mereka yang berusaha keras menafkahai keluarga dengan sumber rezeki yang halal dan ikhlas lillahi Ta'ala bahkan ia dianggap sebagai sesuatu yang sangat bernilai di sisi Allah Subhanahu Wata'ala dan diletakkan setaraf dengan kedudukan berjihad di jalan Allah. Pekerjaan itu pula mestilah :

Dikerjakan menurut ajaran Islam. Kerja-kerja haram seperti terlibat dengan unsur-unsur maksiat, minuman

keras, penipuan atau bekerja sehingga melalaikan sembahyang merupakan pekerjaan yang tidak dapat dikira sebagai satu ibadah.

Disertakan dengan niat yang suci dan ikhlas iaitu mengandungi objektif dan matlamat yang direndai Allah seperti mencari rezeki yang halal untuk menyara diri sendiri dan ahli keluarga kerana kesempurnaan tugas dan kewajipan bergantung pada kejujuran dan keikhlasan niat dalam melakukan pekerjaan.

Hendaklah dilaksanakan dengan tekun dan cekap. Pekerja mestilah bersungguh-sungguh melaksanakan kerja dan tugasnya di dalam lingkungan kepakaran dan kecekapananya.

Penglibatan pekerjaan dengan prinsip-prinsip syariah. Tujuan syarat ini agar segala kerja yang dilaksanakan oleh seseorang atau sekumpulan orang haruslah dilaksanakan berdasarkan kepada prinsip-prinsip syariah seperti amanah, adil, bertanggungjawab, syura, jujur dan tidak melakukan kezaliman.

Pekerjaan yang dilakukan tidak menghalangi daripada menuaikan kewajipan ibadah yang asas kepada Allah termasuk kewajipan sembahyang, zakat, puasa dan haji.

Semoga apa juar pekerjaan yang kita lakukan tidak akan menjadikan kita hamba-Nya yang istidraj iaitu hamba-Nya yang alpa dan larai dengan nikmat dunia mahupun jauh daripada reda Allah Subhanahu Wata'ala.

MINDA PEMBACA

Memupuk semangat kesukarelawanan

MEMUPUK semangat kesukarelawanan merupakan aspek penting dalam membentuk masyarakat yang berwawasan kemanusiaan. Kesukarelawanan bukan sekadar tindakan memberi masa atau tenaga secara percuma tetapi juga melibatkan semangat keikhlasan dan dedikasi untuk memberi manfaat kepada orang lain tanpa mengharapkan ganjaran. Di dalam konteks Negara Brunei Darussalam, terdapat beberapa langkah yang boleh diambil untuk merangsang semangat sukarelawan dalam kalangan penduduk.

Pertama, pendidikan awal mengenai nilai-nilai kemanusiaan perlu ditekankan di peringkat sekolah. Pelajar seharusnya dididik untuk

menghargai dan memahami keperluan orang lain. Program-program pendidikan karakter yang menekankan empati, kejujuran, dan rasa tanggungjawab sosial dapat membentuk dasar yang kukuh untuk semangat kesukarelawan.

Selain itu, usaha perlu dibuat untuk membangun kemahiran sosial dan kemahiran kehidupan dalam kalangan generasi muda. Ini boleh mencakupkan program latihan kemahiran, bengkel kepimpinan, dan aktiviti sosial yang melibatkan kerjasama dan interaksi antara pelbagai lapisan masyarakat. Semua ini dapat membantu memperkuatkan semangat sukarelawan dalam diri muda yang akan menjadi pemimpin masa depan.

Pihak berkuasa tempatan dan NGO

boleh menyusun program-program sukarelawan yang bersifat berterusan. Ini mungkin melibatkan penyediaan kemudahan dan sokongan untuk aktiviti sukarelawan, seperti pusat sumber sukarelawan atau platform digital yang memudahkan orang ramai untuk mendaftar dan menyertai program-program sukarelawan.

Kerajaan juga boleh memberikan pengiktirafan dan insentif kepada sukarelawan. Anugerah dan penghormatan kepada individu atau kumpulan yang telah memberikan sumbangan besar kepada masyarakat dapat memberi dorongan positif kepada yang lain untuk turut serta dalam usaha sukarelawan.

Sokongan media massa juga

penting dalam memupuk semangat sukarelawan. Mengiktiraf dan menceritakan kisah kejayaan sukarelawan boleh menjadi inspirasi kepada orang ramai. Program televisyen, artikel berita, dan platform media sosial adalah saluran yang boleh digunakan untuk menyebarkan kesedaran dan menggalakkan penyertaan dalam aktiviti sukarelawan.

Dengan usaha berterusan dari pelbagai pihak, termasuk kerajaan, masyarakat, dan sektor swasta, Brunei Darussalam boleh menjadi tempat di mana semangat sukarelawan berkembang pesat, membawa impak positif kepada pembangunan masyarakat dan kesejahteraan bersama.

**Nama : Ampuan Mohamad Khairul Anuar bin Ampuan Mohamad
No. K/P : 00-314XXX**

Serahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

- 'Azam Tahun Baharu, Perlu Dicapai'. Tarikh Tutup : 17 Januari 2024
- 'Kesihatan Suatu Anugerah, Syukuri Nikmat Diberikan'. Tarikh Tutup : 24 Januari 2024
- 'Jangan Leka Dengan Jenayah Penipuan Kewangan'. Tarikh Tutup : 31 Januari 2024

Terma dan Syarat :

- Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
- Pendapat awda hendaklah ditarik jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 kata perkataan.

3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :
SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam.
atau melalui
E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

**Menangi
BND75**

SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

OPERASI PASTIKAN PERINTAH PEKERJAAN TERUS DIPATUHI

Siaran Akbar dan Foto : Jabatan Buruh

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 15 Januari. - Bahagian Pengawal Kelepasan Awam yang diwartakan pada Operasi Siaga 03 / 2024 bertujuan untuk menguatkuasakan dan memastikan Perintah Pekerjaan 2009 dipatuhi oleh para majikan baru-baru ini.

Pemeriksaan yang telah dijalankan di kawasan Kampung Lambak Kanan telah mendapati sebanyak empat kesalahan di bawah Perintah Pekerjaan 2009 dilakukan oleh majikan iaitu Bab 82 majikan tidak menyediakan peti Pertolongan Cemas dan Bab 86 majikan gagal mendapatkan kebenaran tempat pekerjaan serta penyusunan semula penempatan pekerja.

Kesalahan seterusnya iaitu Bab 112 menggaji pekerja asing tanpa ada kebenaran daripada Pesuruhjaya Buruh dan Bab 112(2) kesalahan melanggar syarat-syarat Lesen Pengambilan Pekerja asing di mana majikan telah didapati menggaji

seorang pekerja asing bukan di bawah jaminan syarikat beliau untuk bekerja sebagai juruwang.

Bagi kesalahan tersebut, jika didapati, majikan boleh dikenakan denda kompaun tidak lebih daripada BND1,000 bagi tiap-tiap kesalahan. Jika gagal membayar denda kompaun tersebut, majikan akan dihadapkan ke mahkamah.

Sehubungan itu, Jabatan Buruh ingin mengingatkan kepada majikan supaya sentiasa memantau hal ehwal kebijakan pekerja selaras dengan kehendak Perintah Pekerjaan, 2009 seperti penyediaan kontrak pekerjaan dan pembayaran gaji tepat pada waktunya.

Para majikan adalah dinasihatkan untuk tidak menyalahgunakan Lesen Pekerja Asing dan melanggar akta di bawah Perintah Pekerjaan 2009. Untuk maklumat lebih lanjut bolehlah berhubung dengan Jabatan Buruh menerusi talian +673 2381848 (semasa waktu bekerja) atau +673 7298989 (di luar waktu bekerja).



BAHAGIAN Pengawal Kelepasan Awam yang diwartakan pada Operasi Siaga 03 / 2024 bertujuan untuk menguatkuasakan dan memastikan Perintah Pekerjaan 2009 dipatuhi oleh para majikan.

waktu bekerja) atau +673 7298989 (di luar waktu bekerja).

Operasi Siaga catat 4 kesalahan Perintah Pekerjaan 2009

Siaran Akbar dan Foto : Jabatan Buruh

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 15 Januari. - Bahagian Pengawal Kelepasan Awam yang diwartakan pada Operasi Siaga 09 / 2024 pada 10 Januari 2024 bertujuan untuk menguatkuasakan dan memastikan Perintah Pekerjaan 2009 dipatuhi oleh para majikan.

Pemeriksaan yang dijalankan di kawasan Kampung Lambak Kanan mendapati sebanyak empat kesalahan di bawah Perintah Pekerjaan 2009 dilakukan oleh majikan, iaitu Bab 63, gagal memberikan cuti rehat; Bab 70, gagal memberikan cuti pada hari Kelepasan Awam yang diwartakan; Bab 82, gagal menyediakan kelengkapan Pertolongan Cemas; dan Bab 39, gagal membayar gaji pekerja dan bayaran lebih masa.

Bagi kesalahan berkenaan, jika didapati, majikan boleh dikenakan denda kompaun tidak lebih



daripada BND1,000 bagi tiap-tiap kesalahan.


Jika gagal membayar denda kompaun berkenaan, majikan akan

dihadapkan ke mahkamah.

Sehubungan dengan itu, Jabatan Buruh ingin mengingatkan kepada majikan supaya sentiasa memantau hal ehwal kebijakan pekerja selaras dengan kehendak Perintah Pekerjaan, 2009 seperti penyediaan kontrak pekerjaan dan pembayaran gaji tepat pada waktunya.

Para majikan adalah dinasihatkan untuk tidak menyalahgunakan Lesen Pekerja Asing dan melanggar akta di bawah Perintah Pekerjaan 2009.

Untuk maklumat lebih lanjut bolehlah berhubung dengan Jabatan Buruh menerusi talian +673 2381848 (semasa waktu bekerja) atau +673 7298989 (di luar waktu bekerja).



سوروهنجا ی قر خدمت عوام

SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

TATACARA MENGHADIRI
🕒 UJIAN 🕒 TEMU DUGA 🕒 URUSAN RASMI

1 UJIAN ART MASIH PERLU DISEMAK OLEH PENGAWAL KESELAMATAN.

KESAHIHAN: 3 HARI DARI TARikh MEMUATNAIK KE DALAM BRUHEALTH

2 TUNJUKKAN KOD BRUHEALTH DAN ART KEPADA PENGAWAL KESELAMATAN BANGUNAN. HANYA KOD HIJAU, KUNING DAN MERAH DIBENARKAN MASUK.

3 BAGI YANG MEMPUNYAI KOD UNGU, HENDAKLAH MENGHUBUNGI PIHAK URUS SETIA PEJABAT SPA MELALUI ITALIAN PERHUBUNGAN SPA

+673 7371961 **query@spa.gov.bn**

4 HENDAKLAH MELAPOR DIRI KEPADA PENGAWAL KESELAMATAN DI TINGKAT I TERLEBIH DAHULU.

5 PEMAKAIAN SUNGKUP MUKA BAGI ORANG RAMAI YANG DATANG BERURUSAN KE PEJABAT ADALAH DIGALAKKAN.

6 HADIR PADA TARikh DAN WAKTU YANG DITETAPKAN BAGI UJIAN ATAU TEMU DUGA.

7 MESTILAH BERPAKAIAN KEMAS, SOPAN DAN MENUTUP AURAT.

8 TERUS BEREDAR SETELAH SELESAI BERURUSAN.

EXIT

OPERASI KABAT : PELBAGAI KESALAHAN DIKESAN



OPERASI Kabat 06 / 2024 menyasarkan rumah sewa tempat tinggal pekerja asing, di Singa Menteri Kuala Belait.

Siaran Akhbar dan Foto :
Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 15 Januari. - Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK) telah melaksanakan tiga operasi penguat kuasa undang-undang di bawah Operasi Kabat JIPK 2024 yang menyasarkan kepada beberapa lokasi di Negara Brunei Darussalam.

Operasi Kabat 05 / 2024 dan Operasi Kabat 07 / 2024 telah pun dilaksanakan oleh Bahagian Pengukuasa Undang-undang, Bandar Seri Begawan. Manakala Operasi Kabat 06 / 2024 pula dijalankan oleh Bahagian Pengukuasa Undang-undang, Cawangan Kuala Belait.

Operasi Kabat 05 / 2024 telah menyasarkan di sebuah kilang papan Mukim Batu Apoi. Dalam operasi berkenaan, pemeriksaan dibuat ke atas tiga warga asing yang mana telah pun ditahan dan dibawa ke Bahagian Pengukuasa Undang-undang bagi siasatan lanjut.

Dua orang daripadanya dipercayai melakukan kesalahan di bawah Peraturan 9(4), Peraturan Imigresen, Penggal 17 iaitu bekerja menggunakan Pas Lawatan. Manakala seorang lagi dipercayai melakukan kesalahan Peraturan 15(2), Peraturan Imigresen, Penggal 17 iaitu bekerja dengan majikan lain.

Operasi Kabat 06 / 2024 pula menyasarkan di rumah sewa tempat tinggal pekerja asing, di Singa Menteri Kuala Belait. Pemeriksaan dijalankan ke atas tujuh warga asing dan empat daripadanya telah pun ditahan dan dibawa ke Bahagian Pengukuasa Undang-undang bagi siasatan lanjut.

Seramai tiga orang daripadanya dipercayai melakukan kesalahan Bab 15(1), Akta Imigresen Penggal 17 iaitu tinggal lebih masa setelah Pas Imigresen mansuh. Manakala itu, seorang daripadanya ditahan kerana melanggar Bab 55 (4)(a)(b)(c), Akta Imigresen Penggal 17 iaitu gagal mengemukakan sebarang dokumen perjalanan yang sah.

Sementara itu, Operasi Kabat 07 / 24 pula telah menyasarkan di sebuah perusahaan, Mukim Sengkurong di mana pemeriksaan dijalankan ke atas empat warga asing yang kemudian ditahan dan dibawa ke Bahagian Pengukuasa Undang-undang bagi siasatan lanjut yang mana dipercayai melakukan kesalahan di bawah Peraturan 9(4), Peraturan Imigresen, Penggal 17 iaitu bekerja menggunakan Pas Lawatan.

JIPK mengalu-alukan orang ramai bagi sama-sama memberikan maklumat berhubung dengan pesalah imigresen dengan menghubungi ke talian Hotline JIPK menerusi talian +673 8734888 / +673 8753888 (Bandar Seri Begawan) / +673 8984111 (Kuala Belait).



NASIHAT BERBELANJA DALAM TALIAN

Fikir sebelum beli

"boleh pecaya kan tu?"

"mun barang inda sampai, kana mulihkan usinku kan ni?"

"ok kan tu? selamat kah jual bali cemani ani?"

"iawah? banar kan tawarannya ani?"

Jadi pengguna yang bertanggungjawab

- Semak ulasan terlebih dahulu, beli dari sumber yang dipercayai.
- Dapatkan resit rasmi.
- Fahami polisi bayaran balik dan jaminan.
- Jika ragu, elakkan berurusan dengan mereka.

Kenali Bahasa Brunei

Cabur-cabur bermaksud

1. Terjun berulang-ulang ke air semasa mandi.
Contoh pemakaian kata : aing dalam ani, banyakkan kanak-kanak **cabur-cabur**.

2. Kisan berkali-kali datang atau berkunjung.
Contoh pemakaian kata : mun daulu, **cabur-cabur** ku ka rumahnya atu.

Cakah bermaksud

1. Suka dan rajin bekerja.
Contoh pemakaian kata : anak daranya andangnya **cakah**.

2. Ada tenaga atau ada upaya.
Contoh pemakaian kata : latak lagi nini **cakah** waimapun umurnya 90 taun.

Malabang bermaksud nyaring tentang suara.

Contoh pemakaian kata : sakit talingangku, **malabang** bah suaranya.

Ingar bermaksud bising.

Contoh pemakaian kata : jangan **ingar**, Si Alai damit tidur.

SUMBER : DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA, KKBS



Foto : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland

Sayur Umbut Kelapa Masak Santan Kampung Birau

BAHAN-BAHANNYA :

1/2 kilo umbut
1 kotak santan (200ml)
Sedikit cili kisar
Garam + serbuk perasa
Sedikit minyak

BAHAN UNTUK DITUMBUK :

Bawang merah
Bawang putih
Udang kering (200gm)

CARA-CARA MEMBUATNYA :

Panaskan minyak dan tumiskan

bahan yang ditumbuk dan cili kisar, biarkan mendidih sampai naik bau, kemudian masukkan sayur umbut, garam, serbuk perasa. Kemudian masukkan air dan santan, tunggu sampai mendidih dan masak, sudah masak hidangkan.



WASHINGTON, 15 Jan. - Pengarah Urusan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) Kristalina Georgieva berkata kecerdasan buatan (AI) bakal memberi kesan kepada hampir 40 peratus pekerjaan di seluruh dunia.

Justeru itu, beliau mahu ada keseimbangan dasar yang teliti untuk memanfaatkan potensi teknologi itu dengan sewajarnya, lapor Xinhua.

"Kita berada di ambang revolusi teknologi yang boleh melonjakkan produktiviti, meningkatkan pertumbuhan global dan meningkatkan pendapatan di seluruh dunia.

"Namun, ia juga boleh mengantikan pekerjaan dan lebih banyak mewujudkan

AI BAKAL BERI IMPAK KEPADA 40 PERATUS PEKERJAAN GLOBAL - IMF

ketidaksamaan," kata Georgieva dalam blog, memetik analisis terkini IMF baharu yang mengkaji kesan AI ke atas pasaran buruh di peringkat dunia.

Dari segi sejarah, automasi dan teknologi maklumat cenderung mempengaruhi tugas rutin tetapi satu perkara yang membezakan ialah keupayaan AI untuk memberi kesan kepada pekerjaan berkemahiran tinggi.

"Ekonomi maju mungkin menghadapi risiko yang lebih besar dengan penggunaan AI namun banyak juga peluang untuk memanfaatkan faedahnya berbanding dengan pasaran baharu muncul dan ekonomi membangun," menurut blog itu.

Kira-kira 60 peratus pekerjaan mungkin terkesan oleh AI.

Di pasaran-pasaran baharu dan negara berpendapatan rendah, pendedahan kepada AI dijangka masing-masing adalah 40 dan 26 peratus.

Bagaimanapun, kebanyakan negara itu tidak mempunyai infrastruktur atau tenaga kerja terlatih untuk memanfaatkan potensi AI sekali gus meningkatkan lagi potensi ketidakseimbangan dalam kalangan negara.

Beliau yang turut mengakui bahawa AI boleh memberi impak kepada ketidakseimbangan pendapatan dan kekayaan negara, Georgieva berkata pembuat dasar harus proaktif untuk memastikan dan mengelakkan teknologi ini meningkatkan lagi tekanan sosial.

"Adalah penting untuk menetapkan rangka kerja

keselamatan sosial yang komprehensif dan menawarkan program latihan semula untuk pekerja yang rentan.

"Dengan demikian kita boleh membuat peralihan AI secara lebih inklusif, melindungi mata pencarian dan mengawal ketidakseimbangan," katanya.

Ketua IMF itu menyarankan agar ekonomi maju memberikan

keutamaan kepada inovasi dan integrasi AI sambil membangunkan kerangka dasar regulasi yang kukuh.

Bagi pasaran baharu dan ekonomi membangun, keutamaan perlu diberikan untuk membina landasan yang kukuh melalui pelaburan dalam infrastruktur digital dan tenaga kerja yang mahir digital, katanya. - ©BERNAMA

Lebih 1,000 kanak-kanak Palestin di Gaza terpaksa diamputasi - UNICEF

TEHRAN, 15 Jan. - Lebih 1,000 kanak-kanak Palestin di Gaza terpaksa diamputasi selepas mengalami kecederaan parah akibat serangan tentera rejim Zionis di Semenanjung Gaza dalam tempoh 100 hari lepas, menurut Tabung Kanak-Kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNICEF) pada Isnin.

Jurucakapnya James Elder berkata bantuan kemanusiaan adalah terlalu sedikit dan agak sukar untuk menyediakan perkhidmatan bantuan dan ada pesakit yang meninggal dunia kerana kekurangan ubat, lapor Agensi Berita Iran (IRNA).

"Risiko yang tidak boleh diterima ini berlaku pada ketika sistem makanan dan kesihatan di Semenanjung Gaza sedang di ambang keruntuhan.

"Lebih 80 peratus kanak-kanak mengalami kemiskinan makanan yang teruk dan lebih dua pertiga hospital tidak lagi berfungsi kerana kekurangan bahan api, air dan bekalan perubatan penting atau kerana mereka mengalami kerosakan teruk dalam serangan," katanya. - ©BERNAMA

Forum ekonomi dunia buka tirai di Davos pada Isnin

MOSCOW, 15 Jan. - Mesyuarat Tahunan Forum Ekonomi Dunia (WEF) kali ke-54 membuka tirainya di Davos, Switzerland pada Isnin, lapor Sputnik.

Bertemakan "Rebuilding Trust", forum itu dijadualkan berlangsung dari 15 hingga 19 Januari, antara lain akan menumpukan kepada prinsip ketelusan, konsistensi dan akauntabiliti. Agenda forum itu dijangka merangkumi keselamatan makanan, tenaga, krisis iklim, inflasi, risiko geopolitik dan kecerdasan buatan.

Menurut pihak pengajur, wakil daripada lebih 100 kerajaan, organisasi antarabangsa serta pemimpin masyarakat sivil, usahawan sosial selain wakil belia, pakar dan agensi media dijangka menyertai forum itu.

Sementara itu, pemimpin dari Argentina, Perancis, Greece, Iraq, Jordan, Qatar, Sepanyol, Ukraine dan Vietnam dijangka berucap selain Perdana Menteri China Li Qiang, Penasihat Keselamatan Negara Amerika Syarikat Jake Sullivan, Presiden Suruhanjaya Eropah Ursula von der Leyen dan Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) Antonio Guterres. - ©BERNAMA

Banjir di Rio de Janeiro ragut 11 nyawa

MOSCOW, 15 Jan. - Sekurang-kurangnya 11 orang maut akibat banjir yang dicetuskan oleh hujan lebat di Rio de Janeiro, Brazil, lapor Sputnik memetik media tempatan pada Isnin.

Banjir melanda bahagian utara bandar itu dari Sabtu hingga Ahad yang turut menjelaskan perkhidmatan bas dan kereta api bawah tanah. Pihak berkuasa turut membatalkan semua acara yang telah dirancang. Pentadbiran bandar berkenaan turut mengisyiharkan darurat, menurut laporan itu. - ©BERNAMA

4 maut dalam kebakaran kedai bunga di Hanoi

HANOI, 15 Jan. - Empat orang maut dalam kebakaran di kedai bunga di Hanoi, Vietnam, pada Isnin, lapor Xinhua memetik media tempatan.

Kejadian berlaku kira-kira pukul 4.40 pagi dan mangsa maut akibat sesak nafas, lapor Agensi Berita

Vietnam.

Kedai yang terletak di bangunan empat itu dilaporkan hanya seluas kira-kira 20 meter persegi dan mempunyai satu laluan keluar.

Punca kejadian sedang disiasat. Menurut Jabatan Polis Bomba

dan Penyelamat, sepanjang tahun lepas Vietnam menyaksikan 3,440 insiden kebakaran yang mengorbankan 146 orang dan 109 lagi cedera selain menyebabkan kerugian harta benda kira-kira 878 bilion dong Vietnam (US\$36.1 juta). - ©BERNAMA

Seorang terbunu, pesawat ringan terhempas di Thailand

PATTAYA, 15 Jan. - Seorang juruterbang Austria terbunu manakala rakannya dari Jerman cedera parah dalam nahas membabitkan pesawat ringan di Thailand pada Sabtu, lapor Agensi Berita Jerman (dpa).

Nahas berlaku di padang berhampiran pusat peranginan di Pattaya, menurut media

Thailand memetik saksi dan pekerja penyelamat.

Seorang gembala lembu yang melihat kejadian bergegas ke lokasi nahas dan mengeluarkan mangsa yang cedera daripada serpihan pesawat yang terbakar.

Juruterbang berusia 50 tahun itu dipercayai cuba melakukan

pendaratan berkenaan cemas dipadang sebelum merempuh sebatang pokok asam jawa, lapor akhbar The Nation.

Gambar yang tular di internet menunjukkan pesawat itu musnah sepenuhnya. Pihak berkuasa sedang menyiasat punca nahas. - ©BERNAMA

Jepun : PM Kishida lawat kawasan terjejas gempa bumi

WAJIMA, (Ishikawa, Jepun), 15 Jan. - Perdana Menteri Jepun Fumio Kishida pada Ahad melawat wilayah Ishikawa yang dilanda bencana gempa bumi baru-baru ini. Lawatan itu yang pertama beliau ke kawasan terjejas akibat gempa bumi sejak menerajui pentadbiran negara.

Pada tahun baharu yang lalu wilayah yang terletak di tengah Jepun itu dilanda gempa bumi berukuran 7.6 pada skala Richter,

menyebabkan 220 nyawa terkorban dan 23 lagi masih hilang setakat ini, lapor Jiji Press.

Bercakap kepada penduduk yang ditempatkan di pusat pemindahan, Kishida berikrar kerajaan akan berusaha sedaya upaya untuk mengambil langkah yang sewajarnya dan berharap semua mangsa bersabar dan tabah dalam mengharungi situasi sukar itu.

Perdana Menteri turut

mengucapkan terima kasih kepada anggota Angkatan Pertahanan Udara (SDF) atas jasa dan pengorbanan dalam membantu mangsa yang terjejas.

Turut sama dalam lawatan itu, Menteri Pengurusan Bencana Yoshifumi Matsumura dan Gabenor Ishikawa Hiroshi Hase. Lawatan itu pada awalnya dirancang pada Sabtu tetapi ditangguhkan kerana masalah cuaca. - ©BERNAMA

IMIGRESEN TAHAN SEMBILAN WARGA ASING DISYAKI KERJA TANPA PERMIT, TINGGAL LEBIH MASA

ISKANDAR PUTERI, 16 Jan. - Jabatan Imigresen Johor menahan sembilan warga asing yang disyaki bekerja tanpa permit sah dan tinggal melebihi masa dalam Op Hijau di sebuah tapak semaihan di sini semalam.

Pengarah Imigresen Negeri Baharuddin Tahir berkata serbuan pada 10.40 pagi itu adalah susulan aduan orang awam bahawa terdapat beberapa warga

asing yang bekerja tanpa pas atau permit yang sah. Beliau berkata sepasukan pegawai daripada bahagian penguatkuasa jabatan itu telah memeriksa 26 warga asing sebelum menahan sembilan daripada mereka.

"Mereka yang ditahan terdiri daripada enam lelaki dan seorang wanita warga Indonesia serta dua lelaki warga Myanmar berusia

dalam lingkungan 28 hingga 48 tahun. Kes disiasat mengikut Seksyen 6(1)(c) dan Seksyen 15(1)(c) Akta Imigresen 1959/63 manakala seorang lelaki tempatan diberikan notis untuk hadir ke pejabat bagi membantu siasatan," menurutnya dalam kenyataan hari ini.

Baharuddin juga berkata sembilan premis di daerah Muar dan dua premis di Endau, Mersing

telah diperiksa dalam Op Sapu, Op Belanja, Op Minyak, Op Kutip, Op Mahir serta Op Pelantar. Beliau berkata tindakan diambil susulan maklumat awam bahawa terdapat warga asing yang melanggar syarat pas di premis terbabit.

"Mereka yang ditahan terdiri daripada empat lelaki warga Bangladesh, dua lelaki Myanmar, seorang lelaki warga Nepal dan seorang lelaki Vietnam berusia dalam lingkungan 22 hingga 38



tahun.

"Kes disiasat di bawah Peraturan 39(b) Peraturan-Peraturan Imigresen 1963 serta Seksyen 6(1)(c) dan Seksyen 15(1)(c) Akta Imigresen 1959/63," menurutnya dalam kenyataan berasangan. Baharuddin berkata lima notis hadir ke pejabat turut dikeluarkan dalam operasi terbabit kepada beberapa individu bagi membantu siasatan.

- ©BERNAMA

Pilihan Raya AS : Penduduk Iowa mula undi pilih calon presiden untuk Republikan

WASHINGTON, 16 Jan. - Pilihan raya presiden Amerika Syarikat 2024 kini bermula di peringkat primari presiden yang menyaksikan rakyat Iowa bersedia untuk memilih calon presiden yang akan mewakili Republikan, lapor Xinhua.

Primari presiden bermaksud persidangan peringkat bawahan dan atasan sesebuah parti. Persidangan ini diadakan untuk memilih perwakilan yang akan mengundi calon presiden dari parti tertentu yang akan bertanding dalam pilihan raya presiden di peringkat pusat.

Kokus Republikan berhimpun di gim sekolah, gereja dan pusat komuniti di seluruh Iowa di negeri Midwestern ketika cuaca sejuk melampau melanda yang mencetuskan kebimbangan keadaan itu mungkin akan mempengaruhi peratusan keluar mengundi. "Hari ini menjadi hari kokus Iowa paling sejuk dalam sejarah sejak tahun 1972," tulis pejabat Perkhidmatan Cuaca Kebangsaan Des Moines di X.

Cuaca sejuk turut menjelaskan kempen presiden di Iowa dengan

beberapa acara kempen terpaksa dibatalkan. Bekas presiden Donald Trump yang berusaha untuk kembali ke Rumah Putih dilihat mendahului dengan margin yang besar dalam tinjauan pendapat di peringkat nasional dan negeri Iowa.

Calon presiden Republikan yang lain termasuk bekas duta AS ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Nikki Haley, Gabenor Florida Ron DeSantis, usahawan Vivek Ramaswamy dan bekas gabenor Arkansas Asa Hutchinson.

- ©BERNAMA

Ratu Satay beri kelainan tawar 24 jenis sate

IPOH, 16 Jan. - Sate daging lembu, ayam atau kambing sudah terlalu lazim dinikmati di gerai atau restoran menawarkan makanan tradisional itu yang popular di negara ini.

Namun, sebuah gerai yang terletak di dalam Restoran Nasi Vanggey Greentown di sini menawarkan sesuatu yang luar biasa apabila menyediakan 24 jenis sate termasuk sate landak, arnab, kijang dan rusa.

Pengusaha Norseha Mohamed Said, 37, yang mengusahakan gerai Ratu Satay sejak dua tahun lepas berkata dia cuba mencari kelainan dan mahu memberikan banyak pilihan kepada penggemar hidangan itu yang dinikmati bersama kuah kacang.

"Sambutan amat menggalakkan terutama pada hujung minggu. Gerai saya mendapat perhatian peminat sate yang mahu merasa pelbagai jenis sate yang tidak pernah mereka makan sebelum ini," katanya ketika ditemui di gerainya itu.

Norseha berkata variasi sate yang dijual ialah sate perut (ayam), sate tulang (ayam), sate kulit (ayam), sate daging wagyu, sate salmon, sate itik, sate tongkeng ayam,

sate paru (lembu), sate puyuh, sate keli, sate telur sotong, sate tembusu (perut lembu), sate batang pinang, sate usus (ayam), sate kerang, sate hati ayam dan sate "lokcing".

"Harga sate bermula daripada RM1 hingga RM23 (wagyu) secukup ... pada hujung minggu saya boleh menjual 1,200 cucuk sate pelbagai jenis, manakala hari biasa terjual hingga 800 cucuk," katanya yang turut menawarkan sate biasa iaitu daging lembu, ayam dan kambing.

Ibu kepada dua cahaya mata yang memiliki Sijil Pembangunan Lanskap daripada Akademi Binaan Malaysia berkata sate yang paling mendapat sambutan ialah sate tulang ayam yang kebanyakannya pelanggan menikmati makanan itu bersama nasi, dijual RM1.80 secukup.

"Saya akan pastikan stok sate yang didapati daripada pembekal sentiasa segar supaya rasa hidangan itu kekal enak ... saya tidak menyimpan stok terlalu lama, biasanya semua sate dapat dijual dalam masa yang singkat," katanya serta menambah sate rusa, sate kulit ayam, sate arnab dan sate itik urut mendapat tempat di hati

pelanggan.

Beroperasi dari pukul 4 petang hingga 12 tengah malam, Norseha yang berniaga bersama suami dan dibantu seorang pekerja berhasrat mengusahakan sate dalam bentuk perniagaan makanan segera yang boleh dimakan dengan lebih mudah seperti dibungkus di dalam cawan.

Selain itu, Norseha yang turut menerima tempahan sebarang majlis berkata dia juga sedang merancang untuk membuka perniagaan nasi penyet dengan pelbagai jenis lauk seperti rusa, arnab atau landak penyet.

Enggan berada pada tahap sedia ada, Norseha tidak ketinggalan menambah ilmu perniagaan dengan mengikuti program keusahawanan oleh Kerajaan Negeri Perak iaitu Program Mahir Usahawan: Business Fundamental Mastery Siri 4 yang dilaksanakan di RTC Gopeng, Ogos tahun lepas.

"Sejak saya mengikuti program berkenaan, hasil jualan sate meningkat, kini saya boleh membuat jualan hingga mencecah RM18,000 sebulan, peningkatan 30 peratus berbanding sebelum ini," katanya yang berasal dari Johor. - ©BERNAMA

NAM sentiasa menyokong perjuangan Palestin - Utusan Palestin ke PBB

KAMPALA (Uganda), 16 Jan. - Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM) senantiasa memberikan sokongan padu yang tidak berbelah bahagi terhadap perjuangan Palestin.

"Sejak awal penubuhannya NAM senantiasa menyokong kepentingan hak rakyat Palestin..." kata Utusan Palestin ke PBB Riyad Mansour kepada wartawan di Kampala pada Isnin sempena sidang kemuncak NAM yang sedang berlangsung.

Uganda menganjurkan sidang kemuncak itu ketika dunia sedang mengecam ketidakadilan yang menimpah rakyat Palestin, menyaksikan lebih 24,000 terbunuh di Semenanjung Gaza sejak 100 hari lalu, kebanyakannya wanita dan kanak-kanak manakala lebih 60,000 lagi cedera.

Serangan berterusan rejim Zionis Israel ke atas Gaza menjadi antara isu utama yang akan dibincangkan dalam sidang kemuncak mingguan negara anggota NAM. Sementara itu, duta PBB untuk Uganda Adonia Ayebare berkata: "Isu Palestin adalah agenda yang diatur secara khas dan jawatankuasa menteri akan bersidang dan satu deklarasi akan dirundingkan oleh negara-negara anggota."

Bertemakan "Deepening cooperation for shared global affluence", sidang itu akan membincangkan dan mengeluarkan pengumuman mengenai isu-isu utama termasuk ketegangan geopolitik dari Timur Tengah hingga Laut China Selatan, isu hak asasi manusia, perubahan iklim, jenayah rentas sempadan, pembangunan dan multilateralisme (faham pelbagai hala). Lebih 100 negara anggota NAM dan pemerhati telah menghantar wakil ke sidang kemuncak itu. - ©BERNAMA

Guterres gesa gencatan senjata segera, akses bantuan kemanusiaan di Semenanjung Gaza

NEW YORK, 16 Jan - Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) Antonio Guterres pada Isnin sekali lagi menggesa gencatan senjata kemanusiaan segera dilaksanakan di Semenanjung Gaza.

"Kita memerlukan gencatan senjata kemanusiaan dengan kadar segera untuk memastikan bantuan dapat sampai kepada mereka yang memerlukan."

"Tiada apa yang boleh membenarkan hukuman kolektif terhadap rakyat Palestin," kata Guterres pada sidang media di New York, lapor Agensi Berita Arab Saudi (SPA).

Beliau berkata masalah kelaparan yang sedang melanda penduduk Gaza menyumbang kepada risiko penyakit, kekurangan zat makanan dan ancaman kesihatan yang lain.

Setiausaha Agung PBB itu berkata seramai 152 pekerja PBB maut sejak 7 Oktober lalu, menandakan jumlah kematian terbesar dalam sejarah badan dunia itu. - ©BERNAMA

Lebih 100 pendatang diselamatkan di Pulau Canary

MADRID, 16 Jan. - Lebih 100 pendatang tanpa izin diselamatkan dari dua bot berhampiran Pulau Canary, lapor Sputnik, memetik Pusat Penyelarasian Keselamatan dan Kecemasan Pulau Canary pada Isnin.

"Perkhidmatan Las Palmas bertindak sebagai penyelaras untuk menyelamatkan pendatang berkenaan di timur Lanzarote. Satu daripada bot itu membawa 56 orang dan telah diselamatkan oleh kapal Guardamar Caliope."

"Sebuah lagi bot dinaiki 52 orang dan diselamatkan oleh kapal Guardamar Polimnia. Kesemua mereka dibawa ke pelabuhan Arrecife," kata agensi itu di platform X.

Sekumpulan besar pendatang tanpa izin sering cuba menyeberangi sempadan selatan dan pulau Sepanyol.

Pada penghujung Oktober, kerajaan Sepanyol memperuntukkan €50 juta (US\$54.6 juta) kepada Pulau Canary untuk menangani krisis kebanjiran pendatang.

Pada pertengahan November, Kementerian Dalam Negeri Sepanyol berkata seramai 46,862 pendatang tanpa tiba di Sepanyol dari 1 Januari hingga 15 November 2023, meningkat 62 peratus berbanding tempoh yang sama pada 2022. Daripada jumlah ini, hampir 32,500 tiba di Pulau Canary. - ©BERNAMA



Lionel Messi ungguli Anugerah Pemain Terbaik FIFA 2023

ANKARA, 16 Jan. - Bintang bola sepak Argentina Lionel Messi dinobatkan sebagai Pemain Terbaik FIFA manakala pemain Barcelona Aitana Bonmatí merangkul trofi kategori wanita pada majlis Anugerah FIFA 2023 di London pada Isnin.

Pengurus Manchester City Pep Guardiola membawa pulang anugerah jurulatih lelaki terbaik manakala ketua jurulatih Belanda Sarina Wiegman mengungguli kategori jurulatih wanita terbaik, lapor Agensi Anadolu.

Penjaga gol lelaki terbaik dianugerahkan kepada penjaga gol Manchester City Brazil Ederson dan kategori wanita dimenangi Mary Earps. Anugerah Puskas FIFA 2023 iaitu anugerah gol terbaik dimenangi oleh bekas pemain tengah Botafogo Guilherme Madruga.

Peminat kelab bola sepak Argentina Colon Hugo Miguel Iniguez yang dirakamkan ketika sedang memberikan susu botol kepada bayinya ketika menonton perlawanan memenangi anugerah peminat terbaik, menurut laporan itu. - ©BERNAMA

Piala Asia : "Kami harap dapat muncul juara," kata Minamino

DOHA, 15 Jan. - Pemain pasukan bola sepak kebangsaan Jepun Takumi Minamino berkata kemenangan ke atas Vietnam mencetus semangat kepada pasukannya untuk melakar kejuaraan dalam kejohanan Piala Asia 2023, lapor Agensi Berita Qatar (QNA).

Perlawanan itu berlangsung di Stadium Al Thumama pada Ahad yang menyaksikan Jepun menundukkan Vietnam 4-2 untuk perlawanan Kumpulan D. Dalam aksi menentang Vietnam itu Minamino menyumbangkan dua gol.

Beliau berkata kejayaan pasukan itu lebih penting buat dirinya berbanding pencapaian peribadi seperti memperoleh gelaran penjaring terbanyak atau diiktiraf sebagai pemain terbaik kejohanan. - ©BERNAMA

PIALA ASIA : PASUKAN PALESTIN MAHU BAIKI KELEMAHAN DAN BERI SAINGAN TERBAIK

DOHA, 15 Jan. - Jurulatih pasukan kebangsaan Palestin, Makram Daboub, melahirkan kekecewaannya akibat kekalahan pasukannya 1-4 kepada Iran dalam Piala Asia 2023, lapor Agensi Berita Qatar (QNA).

Daboub berkata jaringan gol awal oleh pihak lawan dilihat telah mengganggu momentum pemain.

"Pasukan sasar untuk baiki

kesilapan dalam dua perlawanan peringkat kumpulan akan datang. Perlawanan akan datang menentang Emiriah Arab Bersatu (UAE) amat penting dalam menentukan peluang pasukan Palestin untuk layak ke peringkat seterusnya," kata Daboub.

Jurulatih itu berkata pemainnya berdepan seteru yang hebat dan kekalahan itu mungkin berpunca

daripada kurang tumpuan. Beliau merakamkan penghargaan kepada peminat yang hadir memberikan sokongan dan berharap sokongan ini akan berterusan.

Daboub yakin pasukan Palestin yang mempunyai senarai pemain berbakat mampu memberikan saingan terbaik dalam dua lagi perlawanan untuk melangkah ke pusingan seterusnya. - ©BERNAMA

Usah ragu kemampuan pemain badminton negara

KUALA LUMPUR, 15 Jan. - Walaupun para pemain badminton negara menampilkan prestasi hambar pada Terbuka Malaysia 2024 yang berakhir semalam, kesemua pihak dituntut agar tidak meragui keupayaan mereka terutamanya menjelang Sukan Olimpik 2024 di Paris, Julai ini.

Presiden Persatuan Badminton Malaysia (BAM) Tan Sri Mohamad Norza Zakaria berkata keputusan mengecewakan di laman sendiri membuka mata pihaknya untuk membuat persediaan lebih rapi dengan misi utama seterusnya lebih menjurus kepada membantu pemain negara mencapai kemuncak prestasi pada Paris 2024.

Mohamad Norza yang juga Pengurus Bersama Road to Gold (RTG) berkata perkara itu termasuk mengadakan perbincangan bersama Menteri Belia dan Sukan Hannah Yeoh serta Pengarah Kejurulatihan Akademi Badminton Malaysia Rexy Mainaky berhubung langkah merapatkan jurang dengan jaguh dunia lain terutamanya sebelum ke Sukan Olimpik 2024, dijadual berlangsung dari 26 Julai-11 Ogos ini.

"Hakikatnya, bila kita lakukan pengaturan bertaraf dunia seperti ini timbul kekecewaan bukan sahaja kita (BAM), namun para peminat juga bahawa buat tahun kedua

berturut-turut tiada seorang pun wakil di separuh akhir dan akhir.

"Bagaimanapun, bagi saya secara keseluruhan kekecewaan itu lebih kepada status kita sebagai hos, namun dari segi pencapaian, jangan anggap mereka gagal, kita harus beri semua sokongan," katanya.

Mengulas mengenai persembahan secara individu pemain di bawah BAM, beliau berkata beregu lelaki utama negara, Aaron Chia-Soh Wooi Yik tetap menampilkan aksi memuaskan, namun tuah mungkin tidak memihak kepada mereka untuk melepas peringkat suku akhir selepas tumpas kepada juara dunia Kang Min Hyuk-Seo Seung Jae dari Korea Selatan 21-16, 18-21, 13-21.

"Bagi Aaron dan Wooi Yik, mereka ini antara gandingan lima terbaik di dunia. Pada bila-bila masa, mereka yang berada dalam kelompok lima terbaik boleh mengalahkan satu sama lain, cuma apa yang menentukan pada hari pertandingan ialah nasib, mental atau persediaan mereka," katanya.

Bagi beregu wanita nombor satu negara, Pearly Tan-M.Thinaah pula, keputusan dilakar mereka juga tidak begitu menghamparkan memandangkan mereka berjaya memberi tentangan sengit kepada pasangan China, Liu Sheng Shu-Tan Ning

sebelum tumpas pada pusingan pertama, 20-22, 15-21.

"Pearly baru sahaja (pulih) daripada kecederaan, namun mereka tetapi beri saingan sengit kepada pasangan China yang jadi juara (Terbuka Malaysia 2024). Sebelum Pearly cedera, mereka ada keupayaan main dalam tempoh panjang, saya rasa mereka berada pada kedudukan itu, hanya perlu kuatkan fizikal bagi memastikan mereka mempunyai kecerdasan yang mantap dan mampu bertahan lama di gelanggang," katanya.

Sheng Shu-Tan Ning yang turun selaku pilihan kelapan mengejutkan pilihan kelima dan rakan senegara, Zhang Shu Xian-Zheng Yu 21-18, 21-18, untuk meraih gelaran sulung Super 1000, di sini.

Mengenai aksi beregu campuran utama negara, Chen Tang Jie-Toh Ee Wei, Mohamad Norza berkata biarpun mempunyai kualiti setaraf pasangan 10 terbaik dunia, mereka masih belum mencapai tahap kematangan serta dibelenggu perasaan gugup ketika beraksi di gelanggang. Tang Jie-Ee Wei ditunjuk jalan keluar pada pusingan kedua oleh beregu Jepun, Hiroki Midorikawa-Natsu Saito, 22-24, 14-21.

Beliau juga mengambil maklum bahawa pemain perseorangan lelaki negara, Ng

Tze Yong, turut memerlukan masa untuk menguatkan fizikalnya biarpun menarik diri sewaktu ketinggalan 8-12 kepada pemain Jepun, Koki Watanabe pada pusingan pembukaan susulan kecederaan belakang.

Sementara itu, Presiden Majlis Olimpik Malaysia itu berkata legenda badminton negara Datuk Lee Chong Wei berhak menegur segelintir pemain negara yang bercuti rehat menjelang Terbuka Malaysia 2024.

Katanya, beliau menghormati pandangan disuarakan Chong Wei memandangkan figura berkenaan pernah merasai jerih perih menjadi seorang atlet serta pengorbanan terpaksa ditempuhinya sehingga berjaya menjadi antara pemain paling berjaya di dunia sebelum ini.

Baru-baru ini, media melaporkan bekas pemain nombor satu dunia itu merumuskan kegagalan pemain kebangsaan di Terbuka Malaysia adalah tidak melakukan persiapan terbaik bagi menghadapi kejohanan pembuka tirai musim 2024.

Malah, pemenang tiga kali pingat perak Sukan Olimpik itu turut mempersoalkan tindakan beberapa pemain yang bercuti di luar negara ketika sambutan Hari Krismas meskipun menyedari Terbuka Malaysia akan bermula pada 9 Jan. - ©BERNAMA